

UNDANG-UNDANG KECIL
KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Tajuk dan mula berkuat kuasa

1. (1) Undang-undang Kecil ini boleh dinamakan Undang-undang Kecil **Koperasi Polis DiRaja Malaysia Berhad**.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya didaftarkan oleh Suruhanjaya.

Tafsiran

2. Di dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

“**Akaun Teraudit**” termasuklah penyata kewangan, dan laporan Lembaga dan laporan juruaudit di bawah subseksyen 59(1) Akta sebagaimana yang ditakrifkan menurut peraturan 2 Peraturan;

“**Akta**” ertinya Akta Koperasi 1993 dan pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

“**AJKKD**” ertinya Ahli Jawatankuasa Kecil Daerah;

“**Anggota**” termasuklah seseorang yang turut sama dalam permohonan pendaftaran Koperasi ini **dan yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan Koperasi dan** seseorang yang diterima menjadi anggota Koperasi mengikut Peraturan dan undang-undang kecil Koperasi selepas pendaftaran;

“**Arahan**” ertinya arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia kepada Koperasi dari semasa ke semasa;

“Aturan” ertinya aturan-aturan yang dibuat oleh Lembaga dari semasa ke semasa bagi melaksanakan mana-mana aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi tertakluk kepada peruntukan Akta, Peraturan, Undang-undang Kecil dan kelulusan mesyuarat agung;

“Daerah” ertinya Formasi, Bahagian, Daerah, Cawangan dan Unit Polis dan kawasan yang diiktiraf oleh koperasi ini selaras dengan pemakaian Akta Koperasi 1993.

“Dividen” ertinya bahagian keuntungan Koperasi ini yang dibahagikan di kalangan anggotanya mengikut kadar modal syer dan modal yuran yang dipegang oleh mereka, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“Elaun” ertinya saraan yang dibayar kepada seseorang anggota Lembaga bagi Koperasi ini sebagai balasan kerana khidmatnya yang diberikan kepada Koperasi ini secara tetap;

“Garis Panduan” ertinya garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia kepada Koperasi dari semasa ke semasa;

“Honorarium” ertinya suatu bahagian keuntungan bersih teraudit Koperasi yang diagihkan antara beberapa atau semua anggota Lembaga sebagai balasan bagi perkhidmatan mereka yang lazimnya tidak diberi saraan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“Kawasan Operasi” ertinya kawasan di mana Koperasi ini dibolehkan mendapat anggotanya;

“Keluarga” ertinya ibu-bapa, isteri-isteri atau suami, anak-anak anggota termasuk anak tiri, anak angkat yang di ambil mengikut undang-undang ditanggung sepenuhnya oleh anggota;

“Kesalahan Boleh Daftar” ertinya kesalahan yang boleh didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Penjenayah-Penjenayah dan Orang-Orang Tak Diingini 1969, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Jadual Pertama dan Kedua kepada Akta itu;

“Koperasi” atau **“Koperasi ini”** ertinya Koperasi Polis DiRaja Malaysia Berhad;

“**Lembaga**” ertinya badan pengelola Koperasi ini yang kepadanya pengurusan hal-hal Koperasi ini diamanahkan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“**Menteri**” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab pembangunan koperasi, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“**Pegawai**” berhubung dengan Koperasi ertinya seorang pengerusi, **timbangan pengerusi**, setiausaha, bendahari atau mana-mana anggota lain Lembaga, dan termasuklah ketua pegawai eksekutif, mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Lembaga, Peraturan atau perintah atau Undang-undang Kecil untuk memberi arahan berkenaan dengan urusan Koperasi ini, atau mana-mana pekerja, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“**Pelantikan**” termasuklah apa-apa pelantikan atau pelantikan semula, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“**Pengerusi Eksekutif**” ertinya Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“**Ketua Pegawai Eksekutif**” ertinya seseorang dengan apa jua nama dipanggil yang, sama ada secara individu atau bersesama dengan seorang lain atau lebih bertanggungjawab, tertakluk kepada kuasa Lembaga, bagi perjalanan urusan dan aktiviti Koperasi;

“**Penyata Kewangan**” ertinya akaun perdagangan dan untung rugi, akaun pembahagian keuntungan, kunci kira-kira dan apa-apa penyata yang ditentukan oleh Suruhanjaya sebagaimana yang ditakrifkan menurut peraturan 2 Peraturan;

“**Peraturan**” ertinya Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 dan pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

“Perwakilan” ertinya wakil anggota individu yang dipilih di mesyuarat peringkat kawasan anggota-anggota Koperasi ini, bagi menghadiri mesyuarat agung perwakilan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“Potongan Langganan” ertinya bahagian keuntungan Koperasi ini yang dibahagikan di kalangan anggotanya mengikut kadar banyaknya perniagaan yang dilakukan oleh mereka dengan Koperasi ini dan yang daripadanya keuntungan Koperasi ini diperoleh, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“Prinsip Koperasi” termasuklah —

- (a) keanggotaan sukarela dan terbuka;
- (b) kawalan demokratik oleh anggota;
- (c) penglibatan ekonomi oleh anggota;
- (d) autonomi dan kebebasan;
- (e) pendidikan, latihan dan maklumat;
- (f) kerjasama antara koperasi; dan
- (g) mengambil berat terhadap masyarakat,

sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“Pulangan” termasuklah apa-apa bentuk sewaan, pulangan, dividen atau faedah, termasuk apa-apa fi atau hadiah, yang kena dibayar atau akan diberikan berhubung dengan apa-apa urusan niaga, transaksi atau surat cara, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“Sabitan” termasuklah sesuatu dapatan bersalah dan pembuktian kesalahan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“Simpanan Khas” ertinya wang yang didepositkan oleh seseorang anggota dengan Koperasi ini dengan niat nyata untuk menggunakan wang yang didepositkan untuk suatu maksud yang dinyatakan yang dibenarkan di bawah Peraturan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“Subsidiari” ertinya sesuatu syarikat, sebagaimana yang ditakrifkan dalam **Akta Syarikat 2016**, yang komposisi Lembaga Pengarahnya atau lebih daripada separuh

kuasa mengundinya dikawal oleh Koperasi ini, atau yang lebih daripada separuh modal syer diterbitkannya dipegang oleh Koperasi ini, dan termasuklah sesuatu subsidiari, sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta itu, bagi syarikat itu, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“Suruhanjaya” ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“Syer” ertinya bahagian dalam modal syer Koperasi ini yang disumbangkan oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaannya dalam Koperasi ini, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“Syer Bonus” ertinya syer tambahan yang diberikan secara percuma kepada pemegang syer sedia ada berasaskan jumlah syer yang dipegang;

“Tanah” mempunyai erti yang sama seperti yang ditakrifkan dalam Akta Tafsiran 1948 dan 1967 (Akta 388);

“Undang-Undang Kecil” ertinya Undang-undang Kecil berdaftar yang dibuat oleh Koperasi ini pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan oleh Akta dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar Undang-undang Kecil, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“Wang Berlebihan” ertinya tertakluk kepada Peraturan, wang yang melebihi amaun yang diperlukan oleh Koperasi ini bagi kegunaan segera sebagai modal kerja bagi perniagaannya, yang boleh didepositkan atau dilaburkan di luar Koperasi ini tanpa menjejaskan pengendalian perniagaan itu, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

”Yang Dipertua” ertinya Ketua Polis Negara;

“Yuran” ertinya jumlah wang yang disumbangkan pada lat-lat masa yang tetap oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaannya dalam Koperasi ini dan tidak

boleh dikeluarkan kecuali menurut syarat yang ditetapkan dalam Undang-undang Kecil atau apabila tamat keanggotaannya, sebagaimana yang ditakrifkan **menurut seksyen 2 Akta;**

Perubahan Dari Segi Nahu, Jenis Jantina Dan Bilangan

3. (1) Jika mana-mana perkataan atau perbahasan ditakrif dalam sesuatu undang-undang bertulis, takrif itu hendaklah diperluaskan kepada segala perubahan nahu dan perbahasan kognat perkataan itu atau perbahasan yang ditakrifkan.

(2) Perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan yang memaksudkan jenis lelaki meliputi perempuan.

(3) Perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan dalam bilangan tunggal meliputi bilangan jamak, dan perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan dalam bilangan jamak meliputi bilangan tunggal.

BAHAGIAN II

NAMA, ALAMAT BERDAFTAR DAN KAWASAN OPERASI

Nama

4. Menurut subseksyen 7(4) dan (5) Akta, Koperasi ini hendaklah dinamakan Koperasi Polis DiRaja Malaysia Berhad.

Alamat

5. (1) Alamat yang didaftarkan bagi Koperasi ini ialah No. 1 Jalan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

(2) Koperasi hendaklah memberitahu kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari tentang tiap-tiap pertukaran alamat menurut seksyen 11 Akta.

Kawasan operasi

6. Kawasan operasi Koperasi ini ialah seluruh Malaysia.

BAHAGIAN III

MATLAMAT, FUNGSI DAN AKTIVITI

Matlamat

7. Menurut subseksyen 4(1) Akta, matlamat Koperasi ini ialah untuk meningkatkan kepentingan ekonomi anggotanya mengikut prinsip koperasi.

Fungsi

8. Fungsi Koperasi ini ialah kredit.

Aktiviti

9. (1) Bagi mencapai matlamat dan fungsi menurut Undang-undang Kecil 7 amnya dan 8 khususnya, Koperasi boleh, tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan,

- (a) menjalankan aktiviti berikut:
 - (i) menyediakan kemudahan untuk anggota-anggota menyimpan wang dan memberi pinjaman kepada mereka bagi maksud yang berfaedah;
 - (ii) menjadi agen jualan hartanah kepada anggota bagi projek perumahan kerjasama dengan pemaju swasta;
 - (iii) menjalankan aktiviti perladangan;
 - (iv) menjalankan aktiviti penternakan;
 - (v) menjalankan aktiviti perdagangan am dan pembekalan melibatkan jual beli dan perkhidmatan; dan
 - (vi) menjalankan aktiviti Ar-rahnu, perniagaan jual beli emas, jualan dinar, jualan "Gold Bar", dan sistem simpanan emas;
- (b) menjalankan aktiviti kebajikan dan pendidikan anggota;
- (c) membeli, menjual, memindahkan hak milik, mendirikan, menyewa, mencagar, memajak, menggadai dan memiliki harta alih dan harta tak alih;
- (d) melaburkan wang berlebihan dalam perkara yang dibenarkan menurut seksyen 54 Akta;
- (e) mengadakan subsidiari menurut Seksyen 19 Akta dengan kelulusan Suruhanjaya; dan
- (f) menyertai usahasama dan menjadi anggota kepada koperasi lain.

(2) Bagi melaksanakan aktiviti menurut fasal (1), Koperasi boleh mendapatkan —

- (a) modal dengan cara mengumpul syer, yuran, deposit, pinjaman atau simpanan khas daripada anggota; dan
- (b) pinjaman daripada bukan anggota dengan kelulusan Suruhanjaya menurut perenggan 50(e), subseksyen 52(2), seksyen 52A Akta dan peraturan.

(3) Bagi mengendalikan sesuatu aktiviti menurut fasal (1), Lembaga hendaklah membuat aturan aktiviti yang sesuai yang diluluskan oleh mesyuarat Lembaga dan satu salinan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari selepas diluluskan oleh mesyuarat Lembaga itu.

(4) Bagi maksud perenggan 50(e) Akta, sesuatu Koperasi hendaklah —

- (a) menyatakan antaranya terma dan syarat dalam aturan berhubung dengan:
 - (i) deposit dan pinjaman daripada anggota; dan
 - (ii) pinjaman daripada bukan anggota;
- (b) membentangkan aturan itu dalam mesyuarat agung perwakilan untuk kelulusan; dan
- (c) mengemukakan aturan itu kepada Suruhanjaya dalam masa tiga puluh hari selepas aturan itu diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan.

(5) Walau apapun peruntukan undang-undang kecil ini, setiap aktiviti yang hendak dijalankan adalah tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain.

BAHAGIAN IV KEANGGOTAAN

Anggota

10. Anggota Koperasi ini termasuklah seseorang yang turut sama dalam permohonan mendaftarkan Koperasi ini dan yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan Koperasi dan seseorang yang diterima menjadi anggota menurut Peraturan dan Undang-undang Kecil ini selepas pendaftaran.

Kelayakan Menjadi Anggota

11. (1) Keanggotaan Koperasi ini terbuka kepada mereka yang berkhidmat dengan Pasukan Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Koperasi ini, subsidiari dan subsidiari-subsidiarinya.

- (2) Seseorang yang ingin menjadi anggota Koperasi ini mestilah —
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) telah mencapai umur lapan belas tahun;
 - (c) bermastautin atau mempunyai tanah atau bekerja dalam kawasan operasi Koperasi ini; dan
 - (d) bukan seorang yang:
 - (i) tidak upaya dari segi mental;
 - (ii) bankrap yang belum dilepaskan;
 - (iii) terhadapnya masih berkuat kuasa suatu sabitan bagi kesalahan yang boleh daftar; dan
 - (iv) telah dibuang daripada menjadi anggota di bawah Akta dan suatu tempoh selama satu tahun belum lagi berlalu dari tarikh pembuangan itu.

Permohonan Menjadi Anggota

12. Permohonan menjadi anggota hendaklah dibuat dalam borang rasmi Koperasi ini dan dialamatkan kepada setiausaha Koperasi atau pegawai Koperasi yang dipertanggungjawabkan.

Fi Masuk

13. (1) Tiap-tiap permohonan menjadi anggota hendaklah disertakan dengan fi masuk sebanyak RM10.00 (Ringgit: sepuluh). Fi masuk itu menurut perenggan 50(a) Akta akan dikembalikan kepada pemohon jika permohonannya ditolak oleh Lembaga. **Fi masuk itu akan diselaraskan dengan yuran bulanan pertama. Keanggotaan seseorang anggota berkuatkuasa pada tarikh namanya didaftarkan dalam daftar anggota.**

(2) Bekas anggota yang memohon untuk menjadi anggota semula dikenakan fi masuk sebanyak RM10.00 (Ringgit: sepuluh).

(3) Penama atau wakil yang sah kepada anggota yang mati jika memohon untuk menjadi anggota dalam **enam bulan** selepas kematian anggota itu, tidak dikenakan fi masuk.

(4) Semua fi masuk hendaklah dikreditkan ke dalam akaun untung rugi.

Akuan Anggota

14. (1) Seseorang yang memohon untuk menjadi anggota hendaklah menandatangani suatu akuan bahawa dia —

- (a) akan terikat dengan Undang-undang Kecil ini dan aturan-aturan aktiviti yang sedia ada serta apa-apa pindaan;
- (b) bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan;
- (c) bukan seorang yang terhadapnya masih berkuat kuasa suatu sabitan bagi kesalahan yang boleh daftar; dan
- (d) tidak pernah dibuang daripada keanggotaan mana-mana koperasi dalam tempoh satu tahun.

(2) Mana-mana pemohon yang enggan menandatangani akuan tersebut tidak boleh diterima menjadi anggota.

(3) Seseorang yang telah menjadi anggota dengan sebab turut sama dalam membuat permohonan bagi pendaftaran Koperasi ini dan mereka yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan Koperasi ini, dikehendaki

menandatangani akuan menurut fasal (1) dalam tempoh empat belas hari selepas diterima perakuan pendaftaran Koperasi.

Penerimaan Menjadi Anggota

15. Permohonan menjadi anggota hendaklah dipertimbangkan oleh Lembaga di dalam mesyuaratnya yang boleh menerima atau menolak sesuatu permohonan itu. **Lembaga hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada setiap pemohon dalam tempoh tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas keputusan dibuat ke atas permohonan mereka.**

Perolehan Hak, Kewajipan Dan Liabiliti Anggota

16. (1) Menurut seksyen 28 Akta, tiap-tiap anggota yang telah menjelaskan bayaran **RM200.00 (Ringgit: dua ratus)** syer boleh melaksanakan segala hak, kewajipan dan liabiliti sebagai seorang anggota, sebagaimana yang terkandung di dalam Undang-undang Kecil ini.

(2) Walau apapun peruntukan undang-undang Kecil 16(1), anggota dari kalangan kakitangan koperasi ini atau subsidiarinya dan subsidiari-subsidiarinya tidak boleh menjadi Anggota Lembaga atau dinamakan sebagai Jawatankuasa Audit Dalaman.

Pemberian Undang-Undang Kecil

17. Tiap-tiap anggota hendaklah diberi dengan percuma satu naskah Undang-undang Kecil ini. Naskah tambahan akan dikenakan bayaran.

Penama

18. (1) Koperasi hendaklah menyimpan suatu Daftar Penama yang mengandungi sekurang-kurangnya nama, nombor kad pengenalan dan alamat penama.

(2) Tiap-tiap anggota Muslim hendaklah menamakan seorang wakil di sisi undang-undang untuk menerima setelah dia mati, wang yang terhak baginya di dalam Koperasi ini bagi diagihkan kepada waris yang berhak mengikut hukum Islam.

(3) Tiap-tiap anggota yang bukan Muslim hendaklah menamakan seorang atau lebih daripada seorang sebagai penama.

(4) Anggota itu boleh dari semasa ke semasa membatalkan atau menukar penamaan tersebut dan hendaklah memberitahu Koperasi akan perubahan, jika ada, mengenai penamaan itu.

(5) Penamaan hendaklah dibuat dalam borang rasmi Koperasi.

(6) Tertakluk kepada undang-undang kecil 11, seseorang penama atau wasi boleh diterima menjadi anggota dan penama atau wasi yang demikian itu hendaklah dianggap telah menjadi anggota mulai tarikh anggota yang digantikannya itu diterima sebagai anggota.

Liabiliti Anggota

19. (1) Liabiliti seseorang anggota hendaklah terhad kepada jumlah syer yang dimilikinya sekiranya pendaftaran Koperasi ini dibatalkan.

(2) Liabiliti seseorang bekas anggota hendaklah tidak berterusan lebih daripada dua tahun dari tarikh keanggotaannya terhenti, menurut subseksyen 35(1) Akta.

(3) Harta pusaka seseorang anggota yang telah mati tidak bertanggung bagi hutang Koperasi ini, sebagaimana yang ada pada tarikh kematiannya, melebihi tempoh dua tahun dari tarikh kematian itu menurut subseksyen 35(2) Akta.

(4) Harta pusaka menurut fasal (3) adalah syer dalam Koperasi ini.

Hilang Kelayakan Sebagai Anggota

20. Seseorang anggota akan hilang kelayakannya sebagai anggota jika dalam tempoh menjadi anggota, dia —

- (a) tidak upaya dari segi mental;
- (b) seorang bankrap yang belum dilepaskan;

- (c) seorang yang terhadapnya masih berkuat kuasa suatu sabitan bagi kesalahan boleh daftar; atau
- (d) telah dibuang daripada menjadi anggota di bawah Akta ini dan suatu tempoh selama satu tahun belum lagi berlalu dari tarikh pembuangan itu.

Terhenti Menjadi Anggota

21. (1) Keanggotaan seseorang anggota terhenti atas sebab berikut:

- (a) mati;
- (b) menarik diri menurut undang-undang kecil 22;
- (c) ditamatkan menurut undang-undang kecil 23.
meletak jawatan atau dipecat daripada Pasukan Polis DiRaja Malaysia (PDRM); atau
- (d) bertukar keluar daripada Pasukan Polis DiRaja Malaysia (PDRM).

(2) Lembaga hendaklah memecat keanggotaan seseorang yang —

- (a) didapati membuat akuan palsu menurut fasal (1) undang-undang kecil 14;
- (b) hilang kelayakan sebagai anggota menurut undang-undang kecil 20;
- (c) terhenti keanggotaannya menurut perenggan (c) fasal (1);
- (d) gagal menjelaskan syer minimum menurut undang-undang kecil 60; atau
- (e) gagal menjelaskan yuran tiga bulan berturut-turut dengan tiada kebenaran Lembaga.

(3) Anggota yang bersara daripada Pasukan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) atau Koperasi ini atau subsidiari dan subsidiari-subsidiarinya boleh meneruskan keanggotaan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

- (a) Mengekalkan modal syernya dalam koperasi ini;
- (b) Tidak layak membuat pinjaman kecuali pinjaman kredit di atas modal yurannya. Walau bagaimanapun, sebarang pinjaman jangka

panjang iaitu pembelian tanah dan/atau rumah yang telah diluluskan semasa sebelum bersara dalam keadaan tertentu boleh dipertimbang untuk dibenarkan terus membuat bayaran mengikut jadual yang telah diluluskan dengan membuat permohonan secara bertulis;

- (c) Tidak layak menjadi penjamin di atas sebarang pinjaman;
- (d) Memohon kelulusan Lembaga untuk meneruskan bayaran bulanan dengan bersendirian; dan
- (e) Memohon kelulusan Lembaga untuk berhenti daripada membayar yuran bulanan.

Menarik Diri

22. (1) Seseorang anggota boleh menarik diri daripada Koperasi ini dengan memberi notis bertulis enam bulan terlebih dahulu kepada Lembaga. Notis dikira daripada tarikh penerimaan surat permohonan berhenti daripada anggota Koperasi. Atas sebab yang munasabah, Lembaga boleh membenarkan penarikan diri dalam tempoh yang singkat dengan syarat anggota berkenaan tidak mempunyai tanggungan sebagai peminjam dan penjamin.

(2) Melainkan tarikh lebih awal dipersetujui oleh Lembaga, maka keanggotaan anggota itu hendaklah terhenti hanya pada hari genap tempoh notisnya.

(3) Dalam tempoh notis itu, anggota yang demikian hendaklah masih mempunyai hak, kewajipan dan liabiliti sebagai seorang anggota.

(4) Dalam tempoh notis itu, anggota yang demikian bolehlah merujuk kembali dengan menulis kepada Koperasi bagi mengekalkan semua keanggotaan dengan syarat pulangan wang belum dilaksanakan.

Penggantungan Dan Penamatan Anggota

23. (1) Lembaga boleh menggantung keanggotaan seseorang anggota jika majoriti anggota Lembaga berpuas hati bahawa anggota itu telah bertindak mengikut suatu cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi atau melakukan mana-mana satu daripada perkara berikut:

- (a) merujukkan pertikaian atau aduan kepada mana-mana orang selain daripada Suruhanjaya;
- (b) membuat kenyataan dalam akhbar atau mana-mana media massa mengenai Koperasi ini tanpa kebenaran Lembaga;
- (c) membuat tuduhan palsu ke atas anggota Lembaga atau anggota atau bekas anggota atau pekerja Koperasi ini;
- (d) memburuk-burukkan Koperasi sehingga mencemarkan nama baik dan menjejaskan urusan perniagaan Koperasi ini; atau
- (e) bertindak di luar etika mesyuarat di dalam mana-mana mesyuarat sehingga menjejaskan perjalanan mesyuarat itu.

(2) Keputusan untuk menggantung keanggotaan mana-mana anggota boleh dibuat oleh Lembaga hanya setelah anggota berkenaan itu diberitahu secara bertulis mengenai tuduhan yang jelas terhadapnya. Anggota berkenaan hendaklah diberi peluang untuk menyatakan sebab secara bertulis dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh surat diterima mengapa keanggotaannya tidak boleh digantung.

(3) Tiap-tiap kes penggantungan hendaklah dibentangkan kepada mesyuarat agung perwakilan yang terawal dan dijadikan sebagai fungsi pertama mesyuarat. Anggota yang digantung keanggotaannya itu hendaklah diberitahu secara bertulis tidak kurang daripada lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat, tentang tarikh, masa, tempat dan haknya untuk membela diri akan dijalankan di mesyuarat itu.

(4) Anggota yang digantung di bawah fasal (1) hendaklah, mulai dari tarikh penggantungan itu, berhenti menjalankan segala haknya dalam Koperasi dan tidak berhak untuk menerima apa-apa faedah selama tempoh penggantungan itu melainkan hak menyuarakan hal penggantungan keanggotaannya itu di dalam mesyuarat agung perwakilan.

(5) Apa-apa penggantungan keanggotaan di bawah fasal (1) adalah tertakluk kepada pengesahan majoriti anggota di mesyuarat agung perwakilan terawal yang diadakan hanya selepas—

- (a) mendengar penjelasan daripada anggota berkenaan sekiranya anggota berkenaan hadir; atau

(b) menimbang fakta pertuduhan yang dibentangkan oleh Lembaga, sekiranya anggota tersebut tidak hadir.

(6) Pengesahan penggantungan keanggotaan anggota itu oleh mesyuarat agung perwakilan di bawah fasal (5) hendaklah disifatkan mula berkuat kuasa dari tarikh penggantungan anggota itu.

(7) Selepas pengesahan penggantungan keanggotaan oleh mesyuarat agung perwakilan, keanggotaan anggota itu hendaklah ditamatkan mulai dari tarikh mesyuarat agung perwakilan itu.

(8) Jika penggantungan anggota di bawah fasal (1) tidak disahkan oleh mesyuarat agung perwakilan, Koperasi hendaklah mengekalkan keanggotaan anggota itu, dan apa-apa faedah yang patut diterima oleh anggota itu selama tempoh penggantungannya hendaklah dibayar kepadanya dengan serta-merta.

Penyelesaian Wang Anggota

24. (1) Jika seseorang anggota terhenti daripada menjadi anggota Koperasi ini menurut undang-undang kecil 21, semua wang kepunyaannya melainkan nilai syer miliknya, setelah ditolak hutangnya dengan Koperasi ini hendaklah—

(a) sekiranya dia ditamatkan keanggotaannya, dikembalikan kepadanya selewat-lewatnya enam bulan dari tarikh penerimaan surat makluman yang diterima oleh koperasi dengan segera tanpa apa-apa syarat;

(b) sekiranya dia hilang keupayaan dari segi mental dan tiada pentadbir atau pemegang amanah bagi hartanya yang telah dilantik, dikembalikan kepada sesiapa yang difikirkan wajar untuk menerima bagi pihaknya sebaik sahaja penerima itu ditentukan. Tempoh bayaran hendaklah selewat-lewatnya enam bulan dari tarikh penerimaan surat makluman diterima oleh Koperasi;

(c) sekiranya dia mati, dikembalikan kepada penamanya atau warisnya atau wakilnya yang sah, menurut seksyen 24 Akta, disyaratkan bahawa bagi seseorang anggota Muslim, pengembalian tidak boleh dibuat melainkan kepada wakilnya yang sah atau kepada Pegawai Pentadbir Pusaka jika selepas enam

bulan dari tarikh kematiannya, wakilnya yang sah tidak dapat dipastikan atau tidak dilantik; dan

- (d) sekiranya dia menarik diri, dikembalikan kepadanya selepas selewat-lewatnya enam bulan dari tarikh penerimaan notis/surat permohonan berhenti; dan
- (e) sekiranya dia tidak lagi bermastautin, mempunyai tanah dan bekerja dalam kawasan operasi Koperasi, dikembalikan kepadanya dengan sewajarnya.

(2) Penyelesaian mengenai syer seseorang yang terhenti keanggotaannya sebagaimana yang ditentukan dalam akaun teraudit terakhir Koperasi ini, hendaklah tertakluk kepada peruntukan undang-undang kecil 65 dan 66.

BAHAGIAN V ORGANISASI DAN PENGURUSAN KOPERASI

Mesyuarat Agung Perwakilan

25. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta, Peraturan, perintah, arahan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa dan Undang-undang Kecil, kuasa tertinggi bagi Koperasi ini hendaklah terletak hak pada mesyuarat agung perwakilan, menurut seksyen 36 Akta, yang padanya tiap-tiap anggota mempunyai hak untuk hadir dan mengundi.

(2) Mesyuarat agung perwakilan hendaklah terbahagi kepada dua jenis iaitu mesyuarat agung perwakilan tahunan dan mesyuarat agung perwakilan khas.

Pemilihan Perwakilan Dan Urusan Mesyuarat Agung Daerah

26. (1) Bagi maksud seksyen 37 Akta, Lembaga boleh menentukan daerah mesyuarat dan memanggil satu mesyuarat agung di tiap-tiap daerah untuk memilih perwakilan ke mesyuarat agung perwakilan. Setiap daerah hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **dua ratus** orang anggota.

(2) Bilangan perwakilan yang dipilih bagi sesuatu daerah hendaklah **tidak melebihi dua orang**.

(3) Notis bagi mesyuarat agung daerah hendaklah —

- (a) menentukan tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat;
- (b) diberi kepada anggota yang layak dan tinggal dalam sesuatu daerah tidak kurang daripada lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat agung itu; dan
- (c) disampaikan berasingan melalui pos atau dengan cara lain yang munasabah.

(4) Hanya anggota yang telah menjelaskan bayaran menurut undang-undang kecil 16 berhak menerima notis untuk menghadiri mesyuarat agung daerah dan berhak mempunyai satu undi dan layak menjadi seorang AJKKD ke sesuatu mesyuarat agung perwakilan.

(5) Seorang perwakilan akan kekal menjadi perwakilan selagi dia menjadi anggota atau sehingga mesyuarat agung daerah yang akan datang untuk memilih perwakilan baru. Sekiranya perwakilan itu berhenti menjadi anggota atau menarik diri menjadi perwakilan, maka hilanglah hak perwakilan daerah yang berkenaan.

(6) Kuorum bagi mengadakan mesyuarat agung daerah hendaklah satu pertiga daripada jumlah anggota yang layak menerima notis mesyuarat dalam daerah yang berkenaan atau lima puluh orang, mengikut mana yang kurang. Sekiranya dalam masa tiga puluh minit selepas waktu yang ditetapkan bagi mesyuarat itu, bilangan anggota yang hadir belum mencukupi kuorum, maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan.

(7) Lembaga kemudiannya hendaklah memanggil satu mesyuarat lain dengan memberi notis seperti yang diperuntukkan menurut fasal (3). Sekiranya dalam masa tiga puluh minit selepas masa yang ditetapkan bagi mesyuarat ini, tidak hadir kuorum yang dikehendaki di bawah fasal (6), maka AJKKD tidaklah boleh dipilih dan hilanglah hak AJKKD daerah itu.

(8) Anggota yang hadir dalam mesyuarat agung daerah hendaklah memilih seorang pengerusi untuk mempengerusikan mesyuarat dan seorang setiausaha untuk merekodkan segala butiran mesyuarat. Minit mesyuarat hendaklah ditandatangani oleh pengerusi dan setiausaha mesyuarat yang dipilih oleh anggota dan hendaklah sampai di Pejabat Setiausaha Koperasi dalam masa tujuh hari dari tarikh mesyuarat diadakan.

(9) Seseorang anggota tidak boleh melantik wakil untuk hadir atau mengundi bagi pihaknya dalam suatu mesyuarat agung daerah.

(10) Seseorang anggota Lembaga hendaklah —

- (a) dianggap sebagai seorang perwakilan dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan yang diadakan;
- (b) menjadi seorang perwakilan dalam mesyuarat agung perwakilan walaupun ia mengosongkan jawatan atau tidak dipilih sebagai Lembaga; dan
- (c) menjadi perwakilan sehingga mesyuarat agung daerah terdekat.

(11) Mesyuarat agung daerah atau formasi hendaklah diadakan sekurang-kurangnya dua tahun sekali, tidak lewat daripada dua bulan sebelum mesyuarat agung perwakilan tahunan dan hendaklah menimbangkan perkara-perkara berikut —

- (a) akaun teraudit koperasi, atau draf akaun;
- (b) belanjawan tahunan yang akan dibentangkan di mesyuarat agung perwakilan tahunan Koperasi;
- (c) cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil Koperasi, jika ada;
- (d) Memilih ahli jawatankuasa kecil daerah yang mengandungi dua orang ahli jawatankuasa tetap dan tiga orang ahli jawatankuasa simpanan; dan
- (e) usul daripada Lembaga dan anggota, jika ada.

(12) Usul di perenggan (e) fasal (11), hendaklah dikemukakan kepada Koperasi selewat-lewatnya tujuh hari sebelum mesyuarat agung perwakilan tahunan.

- (13) (a) Bagi daerah yang di cantumkan, mesyuarat hendaklah di hadiri oleh anggota-anggota daripada daerah cantuman yang berkaitan. Setiap daerah yang di cantumkan hendaklah mempunyai wakil yang di pilih dan hadir dalam mesyuarat agung peringkat daerah tersebut tanpa mengambil kira keseluruhan calon-calon yang bertanding.
- (b) Walau bagaimanapun, sekiranya daerah cantuman itu melebihi daripada tiga daerah, maka AJKKD berhampiran dengan satu daerah berdekatan perlu memantau dan bertanggungjawab bagi urusan anggota-anggota daerah tersebut.
- (c) Dalam mesyuarat ini, Lembaga adalah bertanggungjawab untuk memantau pemilihan dan pelantikan AJKKD.

(14) Lembaga bolehlah dengan kebenaran Ketua Polis Negara atau Pegawai Pemerintah menyiarkan di dalam Perintah Pasukan dan Perintah Kontinjen akan nama-nama itu.

(15) AJKKD-AJKKD hendaklah berkhidmat selama dua tahun dan mereka tetap menjadi perwakilan sehingga pengganti mereka dipilih.

(16) Jika seseorang AJKKD itu meninggal dunia, bersara, menarik diri, sakit yang berpanjangan atau bertukar ke lain tempat atau menghadiri kursus melebihi enam bulan, maka Lembaga berkuasa mempelawa AJKKD simpanan mengikut keutamaan bagi memenuhi tempat yang dikosongkan itu.

- (17) Selain daripada mesyuarat agung perwakilan, tugas-tugas AJKKD ialah:-
- (a) memastikan di atas kesahihan permohonan pinjaman-pinjaman sebelum dihantar kepada Lembaga bersama-sama sokongannya.
- (b) memastikan pinjaman-pinjaman itu digunakan di atas perkara-perkara yang dibenarkan oleh Lembaga dan memberi laporan kepada Lembaga jika didapati pinjaman itu digunakan kepada perkara-perkara lain daripada yang dipohon;

- (c) menimbangkan permohonan masuk menjadi anggota Koperasi dan menyokong atau sebaliknya kepada penerimaan menjadi anggota itu;
- (d) memeriksa anggota yang hendak menarik diri, menyasat kesusahan-kesusahan jika ada dan menghantar laporan pemeriksaannya kepada Lembaga;
- (e) menggalakkan anggota polis dan kakitangan awam menjadi anggota koperasi;
- (f) menyimpan senarai yang kemaskini mengenai anggota-anggota dalam kawasan atau formasinya; dan **di mana kesahihan keanggotaan tersebut akan dipadankan dengan senarai semasa keanggotaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) oleh KPDRM;**
- (g) mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya dua bulan sekali iaitu dalam minggu pertama pada bulan-bulan berkenaan atau pada sebarang hari yang sesuai kepada anggota-anggotanya. Dua orang AJKKD yang hadir adalah mencukupi kuorum.

(18) Lembaga boleh mengarahkan sesuatu daerah itu mengadakan mesyuarat agungnya bagi tujuan memilih AJKKD serta perwakilan mereka. Jika anggota-anggota bagi sesuatu daerah itu tidak mengadakan mesyuarat agung daerah bagi memilih AJKKD daerah selepas sembilan puluh hari daripada tarikh arahan Lembaga atau tidak lebih dari dua bulan sebelum tarikh mesyuarat agung perwakilan maka AJKKD-AJKKD yang ada gugur dengan sendirinya.

(19) Lembaga berkuasa melantik AJKKD-AJKKD pengganti daripada kalangan anggota-anggota daerah atau formasi yang berkenaan. AJKKD-AJKKD yang dilantik itu akan berkhidmat sehingga mesyuarat agung untuk memilih AJKKD-AJKKD baru diadakan atas arahan dan persetujuan Lembaga.

(20) Bagi daerah atau formasi di mana AJKKD daerah yang dipilih termasuk calon simpanan, mengosongkan jawatannya atas sebarang sebab, maka Lembaga dalam tempoh sembilan puluh hari boleh mengarahkan sesuatu daerah yang berkenaan mengadakan mesyuarat agung bagi memilih AJKKD-AJKKD pengganti serta perwakilan atau mengekalkan kekosongan tersebut. AJKKD sedemikian ini akan

memegang jawatannya sehingga mesyuarat agung untuk memilih AJKKD baru diadakan.

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan

27. Mesyuarat agung perwakilan tahunan menurut subseksyen 39(1) Akta, hendaklah diadakan tidak lewat daripada enam bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan atau tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya.

Mesyuarat Agung Perwakilan Khas

28. (1) Lembaga pada bila-bila masa boleh, atau apabila ada rekuisisi yang ditandatangani oleh sekurang-kurangnya satu perlima atau satu ratus perwakilan mengikut mana yang kurang hendaklah, memanggil suatu mesyuarat agung perwakilan khas menurut subseksyen 40(1) Akta.

(2) Suruhanjaya atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya menurut subseksyen 40(2) Akta, boleh memanggil pada bila-bila masa suatu mesyuarat agung perwakilan khas, mengikut cara, masa dan tempat yang diarahkannya, dan boleh menentukan perkara yang hendaklah dibincangkan oleh mesyuarat itu, dan mesyuarat itu hendaklah mempunyai segala kuasa dan tertakluk kepada kaedah yang sama seperti mesyuarat agung perwakilan yang dipanggil menurut Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil ini.

Notis Mesyuarat Agung Perwakilan

29. (1) Notis bagi sesuatu mesyuarat agung perwakilan hendaklah diberi kepada perwakilan dalam tempoh tidak kurang daripada lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat agung perwakilan itu.

(2) Notis hendaklah menentukan tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat dan bagi mesyuarat agung perwakilan tahunan hendaklah disertakan;

- (a) akaun dan kunci kira-kira Koperasi ini dan subsidiarinya, jika ada, yang teraudit;
- (b) belanjawan bagi tahun kewangan yang akan datang;
- (c) laporan Lembaga;

- (d) laporan Jawatankuasa Audit Dalaman; dan
- (e) dokumen lain yang berkaitan.

(3) Notis penangguhan mesyuarat agung perwakilan tahunan atau mesyuarat agung perwakilan khas yang dipanggil oleh Suruhanjaya mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dihantar kepada semua perwakilan dalam masa tujuh hari dari tarikh yang ditetapkan. Perkara yang dicadangkan untuk dibincangkan pada tarikh yang ditetapkan di mesyuarat agung perwakilan tahunan atau mesyuarat agung perwakilan khas yang ditangguhkan hendaklah dibincangkan di mesyuarat yang diadakan pada tarikh yang lain itu.

(4) Satu salinan notis hendaklah dipamerkan di pejabat Koperasi ini dan sebagai tambahan boleh juga diterbitkan di dalam mana-mana akhbar tempatan.

(5) Menurut seksyen 41 Akta, Lembaga hendaklah memberi kepada Suruhanjaya notis bertulis menurut fasal (1) yang mengandungi maklumat tentang tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat agung perwakilan yang akan diadakan oleh Koperasi dalam tempoh tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum diadakan mesyuarat agung perwakilan itu.

Kuorum Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Dan Mesyuarat Agung Perwakilan Khas

30. (1) Kuorum bagi sesuatu mesyuarat agung perwakilan tahunan dan mesyuarat agung perwakilan khas bagi apa-apa maksud selain untuk meminda undang-undang kecil Koperasi adalah seperti yang ditetapkan di bawah perenggan 15(1)(b) Peraturan.

(2) Kuorum bagi mesyuarat agung perwakilan kerana meminda Undang-undang Kecil ini, hendaklah dua pertiga dari jumlah perwakilan, melainkan kuorum terkurang dibenarkan oleh Suruhanjaya menurut perenggan 7(2)(b) Peraturan.

(3) Sesuatu mesyuarat agung perwakilan tahunan yang tidak boleh diteruskan kerana tidak cukup kuorum pada tarikh yang ditetapkan hendaklah, jika dipanggil menurut subseksyen 39(1) Akta, ditangguhkan ke tarikh lain yang tidak

kurang daripada empat belas hari tetapi tidak lebih daripada tiga puluh hari dari tarikh yang ditetapkan itu.

(4) Sesuatu mesyuarat agung perwakilan khas yang tidak boleh diteruskan kerana tidak cukup kuorum pada tarikh yang ditetapkan hendaklah—

- (a) jika dipanggil oleh Lembaga, atau atas rekuisisi anggota menurut subseksyen 40(1) Akta, dibatalkan; atau
- (b) jika dipanggil oleh Suruhanjaya menurut subseksyen 40(2) Akta, ditangguhkan ke tarikh lain yang tidak kurang daripada empat belas hari tetapi tidak lebih daripada tiga puluh hari dari tarikh yang ditetapkan itu.

(5) Kuorum bagi mesyuarat agung perwakilan tahunan dan mesyuarat agung perwakilan khas yang dipanggil oleh Suruhanjaya yang ditangguhkan hendaklah tidak kurang daripada dua kali jumlah anggota Lembaga.

Undi Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Dan Mesyuarat Agung Perwakilan Khas

31. (1) Semua agenda kecuali yang berkaitan dengan pindaan Undang-undang Kecil hendaklah diputuskan dengan majoriti mudah undi perwakilan yang hadir sebagaimana di dalam daftar kehadiran.

(2) Jika undi sama banyak, maka usul yang diundi itu hendaklah ditolak. Pengundian semula hendaklah dilakukan sehingga suatu keputusan dicapai.

(3) Anggota yang menghadiri mesyuarat agung tetapi tidak mengundi dianggap berkecuali serta tidak diambilkira dalam pengiraan undi bagi membuat sesuatu keputusan.

(4) Semua keputusan yang dibuat di mesyuarat agung perwakilan tahunan atau mesyuarat agung perwakilan khas yang ditunda hendaklah melalui undian dua pertiga daripada bilangan anggota yang menghadiri mesyuarat itu.

(5) Pengerusi mesyuarat tidak mempunyai undi pemutus.

Fungsi Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Dan Mesyuarat Agung Perwakilan Khas

32. (1) Fungsi mesyuarat agung perwakilan tahunan hendaklah termasuk yang berikut:-

- (a) mengesahkan minit mesyuarat agung perwakilan tahunan yang terdahulu dan mana-mana mesyuarat agung perwakilan khas yang berselang;
- (b) membentangkan laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman;
- (c) menimbang dan meluluskan akaun teraudit Koperasi dan subsidiarinya, jika ada, termasuk laporan Lembaga di bawah perenggan 59 1(c) Akta dan laporan juruaudit, dan pengagihan untung bersih teraudit, jika ada;
- (d) melantik anggota Lembaga;
- (e) menimbang dan meluluskan belanjawan tahunan koperasi bagi tahun kewangan yang berikutnya;
- (f) membentangkan suatu laporan berkenaan dengan penerimaan deposit daripada anggota dan pinjaman daripada anggota dan bukan anggota;
- (g) meluluskan elaun yang akan diberikan kepada anggota Lembaga dan saraan yang akan dibayar kepada mana-mana anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah subsidiari Koperasi, jika ada;
- (h) meluluskan pelantikan satu panel yang tidak kurang daripada dua orang juruaudit, yang merupakan juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya atau pegawai Suruhanjaya, untuk mengaudit akaun Koperasi;
- (i) menimbang dan meluluskan cadangan penubuhan subsidiari;
- (j) menimbang dan meluluskan ruang lingkup dan had pelaburan kumpulan wang lebihan Koperasi mengikut seksyen 54 Akta;
- (k) menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pelupusan harta tak alih dan ekuiti dalam subsidiari;
- (l) menimbang dan meluluskan surat cara skim simpanan, deposit atau pinjaman, jika ada;

- (m) menentukan had maksimum keterhutangan koperasi;
- (n) melantik jawatankuasa yang terdiri daripada enam perwakilan dan empat anggota Lembaga untuk menentusahkan draf minit mesyuarat agung perwakilan tahunan, jika ada;
- (o) mengisytihar atau mengeluarkan syer bonus, jika ada;
- (p) mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa cadangan atau hal urusan lain Koperasi yang baginya suatu notis tidak kurang daripada tujuh hari sebelum mesyuarat dipanggil telah diberikan kepada koperasi;
- (q) menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil Koperasi;
- (r) mendengar dan memutuskan apa-apa aduan, yang dibawa yang oleh mana-mana anggota Koperasi yang terkilan dengan keputusan Lembaga, yang baginya suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari sebelum mesyuarat dipanggil telah diberikan kepada koperasi ini; dan
- (s) menimbang dan meluluskan mana-mana laporan yang dikehendaki supaya dikemukakan mengikut Peraturan, jika ada.

(2) Walau apapun fasal (1), fungsi yang dinyatakan perenggan (g), (h), (i), (j), (k), (l), (m), (n), (o), (p), (q), (r) dan (s) boleh diputuskan dalam mesyuarat agung perwakilan khas yang dipanggil di bawah subseksyen 40(1) Akta.

(3) Walau apapun fasal (1), fungsi yang dinyatakan dalam fasal itu boleh diputuskan dalam mesyuarat agung perwakilan khas yang diadakan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 40(2) Akta.

Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Dan Mesyuarat Agung Perwakilan Khas

33. (1) Pengerusi Lembaga hendaklah mempengerusikan mesyuarat agung perwakilan menurut Undang-undang Kecil 51. Jika beliau tidak hadir timbalan pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat tersebut. Sekiranya kedua-duanya tidak hadir, seorang perwakilan yang dipilih oleh majlis mesyuarat hendaklah mempengerusikan mesyuarat agung perwakilan itu.

(2) Walau apapun fasal (1), mesyuarat agung perwakilan khas yang dipanggil oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 40(2) Akta boleh dipengerusikan oleh mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya.

(3) Pengerusi dengan persetujuan mesyuarat yang cukup kuorumnya bolehlah dan, jika diarah demikian oleh mesyuarat itu, hendaklah menagguhkan mesyuarat agung perwakilan itu dari satu masa ke satu masa yang lain dan dalam kawasan operasi, tetapi mesyuarat yang ditangguhkan itu tidak boleh menjalankan apa-apa urusan selain daripada urusan mesyuarat yang asal. Notis tidaklah perlu bagi mesyuarat yang ditangguhkan itu.

Minit Mesyuarat Agung Perwakilan

34. Minit mesyuarat agung perwakilan hendaklah —

- (a) disediakan dalam tempoh empat belas hari;
- (b) ditentukan oleh jawatankuasa yang dilantik menurut perenggan (n) fasal (1) undang-undang kecil 32;
- (c) ditandatangani oleh setiausaha; dan
- (d) diserahkan kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari selepas tarikh mesyuarat agung.

Lembaga Koperasi

35. Lembaga Koperasi hendaklah mengandungi sebelas orang yang terdiri daripada perwakilan yang dipilih oleh mesyuarat agung perwakilan tahunan terdiri daripada —

- (a) tujuh orang daripada calon-calon yang dinamakan oleh perwakilan yang dipilih melalui undi sulit; dan
- (b) empat orang yang dinamakan oleh Yang Dipertua menurut Undang-undang Kecil 88 (3) (e) tertakluk kepada kelulusan mesyuarat agung perwakilan.

Kelayakan Menjadi Anggota Lembaga

36. (1) Dalam menentukan sama ada seseorang anggota layak dan sesuai untuk dilantik sebagai anggota Lembaga, kriteria yang berikut hendaklah diambil kira:

- (a) ketekunan, kewibawaan dan kewajaran keputusannya; dan
- (b) reputasi, perwatakan, integriti dan kejujurannya.

(2) Tiada seorang pun layak menjadi anggota Lembaga atau kekal sebagai seorang anggota Lembaga, jika dia —

- (a) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta;
- (b) telah dipecat sebagai seorang pegawai sesuatu Koperasi;
- (c) menjadi anggota Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Koperasi ini;
- (d) menerima apa-apa pelantikan tetap yang bergaji dalam Koperasi ini;
- (e) ada percanggahan kepentingan dalam mana-mana aktiviti yang diusahakan oleh Koperasi ini;
- (f) belum genap tempoh dua tahun menjadi anggota Koperasi yang telah didaftarkan melebihi dua tahun;
- (g) telah dilantik sebagai anggota eksekutif Lembaga bagi sesuatu Koperasi berdaftar yang lain;
- (h) berkhidmat di luar kawasan lebih daripada empat puluh lapan kilometer dari alamat berdaftar Koperasi ini.

(3) Walau apapun fasal (6) undang-undang kecil 18, seorang penama atau wakil yang diterima menjadi anggota yang belum genap tempoh dua tahun dari tarikh diterima menjadi anggota tidak layak untuk dipilih menjadi anggota Lembaga.

Tempoh Memegang Jawatan Anggota Lembaga

37. (1) Sekurang-kurangnya satu pertiga daripada anggota Lembaga hendaklah mengosongkan jawatan pada setiap tahun di mesyuarat agung perwakilan tahunan.

(2) Kiraan yang ditetapkan menurut fasal (1) hendaklah diulangi bergilir-gilir pada setiap tahun bagi dua pertiga anggota Lembaga yang selainnya supaya pada permulaan tahun keempat atau lebih awal daripada itu, kesemua anggota Lembaga

hendaklah telah mengosongkan jawatan masing-masing sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun sebelum itu.

(3) Pelantikan seseorang anggota Lembaga yang dibuat menurut subsubperenggan 69(1)(iv)(b) Akta tidak tertakluk kepada fasal (2).

(4) Sekiranya mesyuarat agung perwakilan tahunan tidak diadakan maka penggiliran pengosongan jawatan tetap berlaku. Pengguguran akan berlaku pada mesyuarat agung perwakilan tahunan yang terdekat diadakan.

(5) Anggota Lembaga yang dilantik untuk mengisi kekosongan jawatan hendaklah berkhidmat sehingga mesyuarat agung perwakilan tahunan akan datang.

(6) Anggota Lembaga yang berhenti boleh dipilih semula tertakluk kepada Akta.

(7) Anggota Lembaga yang berkhidmat yang belum genap tiga (3) tahun, yang telah disiarkan dalam perintah pasukan akan mengosongkan jawatannya menurut kehendak Undang-undang Kecil 37(1) akan mengekalkan jawatan dalam Lembaga sekiranya terdapat lain-lain anggota Lembaga yang belum cukup tempoh mengosongkan jawatan merekamenurut Undang-undang Kecil 37(2).

(8) Anggota Lembaga yang dinamakan menurut Undang-undang Kecil 35(b) hendaklah berkhidmat bagi tempoh tiga tahun dan boleh diberhentikan pada bila-bila masa atau dinamakan semula mengikut budi bicara Yang Dipertua tertakluk kepada kelulusan mesyuarat agung perwakilan.

(9) Kekosongan Lembaga yang dipilih menurut Undang-undang Kecil 35(a) hendaklah diisi dari kalangan calon simpanan dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh kekosongan itu berlaku dengan melantik mana-mana anggota yang tidak bercacat cela mengikut Undang-undang Kecil 36.

(10) Kekosongan Lembaga yang dinamakan oleh Yang Dipertua menurut Undang-undang Kecil 35(b) hendaklah dipenuhi dalam tempoh enam puluh hari selepas

kekosongan berlaku. Penamaan itu hendaklah dimaklumkan kepada mesyuarat agung perwakilan.

Pelucutan Jawatan Anggota Lembaga

38. (1) Seseorang anggota Lembaga hendaklah lucut jawatannya dengan sendiri berkuat kuasa serta-merta jika dia —

- (a) disabitkan atas kesalahan boleh daftar atau kesalahan menurut Akta atau Peraturan;
- (b) menerima apa-apa pelantikan tetap yang bergaji dalam Koperasi ini;
- (c) tidak hadir di dalam mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut, melainkan dengan sebab yang boleh diterima oleh Lembaga yang telah dimaklumkan terlebih dahulu; atau
- (d) hilang kelayakan sebagai anggota menurut undang-undang kecil 20.
- (e) Bersara daripada perkhidmatan Kerajaan; kecuali anggota Lembaga dari kalangan pesara yang dilantik menurut subperenggan (e) Undang-undang Kecil 88(3); atau
- (f) berkhidmat di luar kawasan lebih daripada empat puluh lapan kilometer dari alamat berdaftar koperasi ini.

(2) Menurut subseksyen 47 (1) Akta, seseorang anggota Lembaga hendaklah digantung dari jawatannya jika:-

- (a) sesuatu langkah perbicaraan di ambil terhadap anggota itu mengenai sesuatu kesalahan boleh daftar atau sesuatu kesalahan menurut Akta atau Peraturan: atau
- (b) majoriti anggota Lembaga berpuas hati bahawa anggota itu telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan koperasi ini, menurut Peraturan.

(3) Tiap-tiap kes penggantungan menurut perenggan (b) fasal (2), hendaklah:-

- (a) didengar oleh mesyuarat agung perwakilan yang terawal diadakan selepas penggantungan itu;

- (b) anggota itu telah diberitahu secara bertulis akan kesalahannya dalam masa tujuh hari sebelum diadakan mesyuarat agung perwakilan;
- (c) anggota itu diberi peluang membela diri dalam mesyuarat agung perwakilan tersebut; dan
- (d) keputusan penggantungan anggota tersebut hendaklah tertakluk kepada pengesahan atau pengetepian oleh majoriti anggota yang hadir di dalam mesyuarat agung perwakilan itu.

Penamatan Pelantikan Anggota Lembaga

39. (1) Walau apapun peruntukan fasal (1) undang-undang kecil 37, mesyuarat agung perwakilan tahunan mempunyai kuasa menurut subperaturan 18(5) Peraturan:-

- (a) untuk menamatkan pelantikan mana-mana atau kesemua anggota Lembaga; dan
- (b) memilih gantinya;

dengan syarat bahawa cadangan bertulis bagi penamatan pelantikan anggota Lembaga itu hendaklah disampaikan kepada Koperasi dalam tempoh sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum mesyuarat agung perwakilan tahunan itu dipanggil.

(2) Keputusan untuk menamatkan pelantikan seseorang atau kesemua anggota Lembaga hanya boleh dibuat selepas mesyuarat agung perwakilan itu mendengar penjelasan anggota Lembaga yang terlibat.

(3) Anggota Lembaga yang ditamatkan pelantikannya menurut undang-undang kecil ini tidak boleh dilantik semula sehingga mesyuarat agung perwakilan tahunan yang akan datang.

Penggantungan Dan Penamatan Anggota Lembaga

40. (1) Lembaga boleh menggantung mana-mana anggota Lembaga jika majoriti anggota Lembaga berpuas hati bahawa anggota Lembaga itu telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi, menurut subperaturan 21(1) Peraturan.

- (2) Tiada seseorang anggota Lembaga boleh digantung melainkan jika

dia telah diberikan peluang untuk didengar di mesyuarat Lembaga.

(3) Mana-mana anggota Lembaga yang digantung di bawah fasal (1) hendaklah, mulai dari tarikh penggantungan itu, berhenti menjalankan segala hak, kewajipan dan tanggungjawab sebagai anggota Lembaga koperasi itu, dan dia tidak berhak untuk menerima apa-apa elaun selama tempoh penggantungan itu.

(4) Mana-mana anggota Lembaga yang digantung boleh ditamatkan tertakluk kepada pengesahan majoriti perwakilan yang diberikan di mesyuarat agung perwakilan terawal yang diadakan selepas penggantungan itu.

(5) Penamatan anggota Lembaga yang digantung hendaklah berkuat kuasa dari tarikh penggantungannya.

(6) Jika penamatan mana-mana anggota Lembaga tidak disahkan oleh mesyuarat agung perwakilan, koperasi hendaklah mengekalkan jawatan anggota Lembaga itu dan apa-apa elaun yang sepatutnya kena dibayar kepada anggota Lembaga itu selama tempoh penggantungannya hendaklah dibayar kepadanya dengan serta-merta.

Penggantungan Pegawai Koperasi

41. (1) Menurut subseksyen 47(1) Akta, Lembaga hendaklah menggantung seseorang pegawai yang dikenakan tindakan prosiding berkenaan dengan sesuatu kesalahan boleh daftar atau sesuatu kesalahan di bawah Akta samada yang melibatkan Koperasi ini atau mana-mana koperasi lain.

(2) Pegawai yang digantung hendaklah berhenti menggunakan apa-apa hak atau melaksanakan apa-apa fungsi atau tugas berkenaan dengan jawatan itu dan dia tidak boleh menerima apa-apa saraan berkenaan dengan jawatan itu mulai tarikh prosiding dimulakan terhadapnya sehingga selesai dengan muktamadnya prosiding itu termasuk prosiding rayuan.

(3) Jika pegawai yang digantung itu dibebaskan, dia hendaklah dibayar apa-apa saraan yang sepatutnya kena dibayar kepadanya dalam tempoh penggantungan itu.

Peletakan Jawatan Anggota Lembaga

42. (1) Seseorang anggota Lembaga boleh mengosongkan jawatannya dengan memberikan notis bertulis yang ditujukan kepada Lembaga empat belas hari sebelum tarikh peletakan jawatan yang diniatkan itu.

(2) Keputusan menerima atau menolak permohonan meletakkan jawatan hendaklah dibuat oleh Lembaga dalam mesyuarat Lembaga terawal selepas penerimaan notis itu.

(3) Kekosongan jawatan anggota Lembaga hendaklah dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh kekosongan itu diisi oleh Lembaga dengan melantik mana-mana perwakilan yang berkelayakan dan perkhidmatannya hendaklah tamat sehingga mesyuarat agung perwakilan tahunan akan datang.

Mesyuarat Lembaga

43. (1) Mesyuarat Lembaga pertama hendaklah —

- (a) diadakan sebaik sahaja selesai mesyuarat agung perwakilan tahunan;
- (b) menerima pelantikan di kalangan anggota Lembaga seorang pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha dan bendahari; dan
- (c) memutuskan pegawai yang diberi kuasa untuk menandatangani cek koperasi.

(2) Mesyuarat Lembaga yang berikutnya hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh satu bulan.

(3) Mesyuarat Lembaga hendaklah juga diadakan sekiranya —

- (a) Suruhanjaya mengeluarkan arahan; atau
- (b) Enam orang anggota Lembaga membuat permintaan bertulis menyatakan perkara yang hendak dibincangkan.

(4) Keputusan mesyuarat Lembaga adalah sah walaupun —

- (a) ketidakhadiran mana-mana anggota Lembaga;

- (b) terdapat kecacatan yang kemudiannya diketahui dalam pelantikan atau kelayakan mana-mana anggota Lembaga atau pembentukan Lembaga;
- (c) terdapat peninggalan, kecacatan atau salah aturan mesyuarat; atau
- (d) kehadiran atau penyertaan seseorang yang bukan anggota-Lembaga.

(5) Lembaga boleh menjemput mana-mana orang ke mesyuarat untuk memberi nasihat berkenaan dengan apa-apa perkara yang dibincangkan tetapi orang tersebut tidak boleh mengundi.

(6) Semasa ketiadaan pengerusi, seorang daripada anggota Lembaga lain yang hadir hendaklah dipilih untuk mempengerusikan mesyuarat.

Notis Mesyuarat Lembaga

44. Notis bagi sesuatu mesyuarat Lembaga hendaklah diberi kepada semua anggota Lembaga dalam tempoh tidak kurang dari **tiga hingga lima belas** hari sebelum diadakan mesyuarat itu.

Kuorum Mesyuarat Lembaga

45. Kuorum mesyuarat Lembaga hendaklah melebihi satu perdua atau enam orang daripada bilangan anggota Lembaga menurut undang-undang kecil 35.

Urusan Mesyuarat Lembaga

- 46.** (1) Urusan mesyuarat Lembaga hendaklah termasuk yang berikut:
- (a) mengesahkan minit mesyuarat Lembaga terdahulu;
 - (b) membincangkan perkara berbangkit;
 - (c) mengkaji, membincang, menimbang dan memutuskan di mana berkenaan, perkara berikut:
 - (i) keputusan mesyuarat agung perwakilan dan menentukan tindakan;
 - (ii) laporan Jawatankuasa Audit Dalaman;
 - (iii) laporan pengurusan;
 - (iv) permohonan menjadi anggota Koperasi;

- (v) permohonan berhenti daripada menjadi anggota;
 - (vi) permohonan pembiayaan Islam dan kemudahan kredit daripada anggota;
 - (vii) permohonan menambah atau mengurangkan ansuran pembiayaan; dan
 - (viii) permohonan menambah atau mengurangkan caruman syer dan yuran.
- (d) membentang dan meluluskan kedudukan kewangan bulanan;
 - (e) mengkaji dan membincangkan projek Koperasi yang sedia ada dan subsidiari, jika ada;
 - (f) mengkaji, membincang dan memutuskan cadangan projek baru Koperasi;
 - (g) mengkaji, membincang dan memutuskan —
 - (i) hal-hal perjawatan;
 - (ii) program latihan pekerja; dan
 - (iii) program pendidikan anggota.
 - (h) melantik Jawatankuasa Audit Dalaman di kalangan anggota menurut undang-undang kecil 54; dan
 - (i) menjalankan apa-apa urusan lain dengan memberi notis tidak kurang daripada **lima belas** hari.

(2) Jika terdapat sesuatu keadaan yang memerlukan keputusan segera sebelum sesuatu mesyuarat Lembaga dapat diadakan, keputusan Lembaga boleh dibuat melalui resolusi Lembaga. Resolusi Lembaga yang ditandatangani oleh sekurang-kurangnya dua pertiga daripada anggota Lembaga hendaklah disifatkan sebagai keputusan Lembaga dan hendaklah dilaporkan di dalam mesyuarat Lembaga yang terdekat.

Undi Anggota Lembaga

47. (1) Semua usul dan cadangan hendaklah diputuskan dengan majoriti mudah undi anggota Lembaga yang hadir.

(2) Jika bilangan undi sama banyak, maka usul atau cadangan yang diundi itu hendaklah ditolak. Anggota Lembaga yang berkecuali dianggap tidak menyokong usul itu.

(3) Seseorang anggota Lembaga yang ada percanggahan kepentingan dalam perkara yang akan dipertimbangkan oleh mesyuarat hendaklah mengisytiharkan sepenuhnya kepada Lembaga mengenai penglibatan atau percanggahan kepentingannya dalam perkara itu dan tidak mengundi atau terlibat dalam perbincangan mengenai perkara itu.

Minit Mesyuarat Lembaga

48. (1) Segala keputusan mesyuarat Lembaga hendaklah —

- (a) disediakan dalam tempoh tujuh hari;
- (b) ditandatangani oleh setiausaha mesyuarat itu; dan
- (c) diedarkan kepada anggota Lembaga dalam tempoh empat belas hari.

(2) Minit yang telah disahkan dalam mesyuarat berikutnya hendaklah ditandatangani oleh pengerusi mesyuarat tersebut.

(3) Minit bagi sesuatu mesyuarat lembaga hendaklah diserahkan:-

- (a) kepada Suruhanjaya menurut subperenggan 14(1)(c) Akta; dan
- (b) dalam tempoh tiga puluh hari selepas tarikh mesyuarat itu.

Kuasa Dan Kewajipan Lembaga

49. (1) Lembaga bertanggungjawab memastikan pentadbiran dan pengurusan Koperasi dikendalikan dengan teratur, menurut subseksyen 44(1) Akta.

(2) Bagi melaksanakan tanggungjawab menurut fasal (1), Lembaga hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan yang berikut:

- (a) menerima pelantikan seorang pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha dan bendahari di kalangan anggotanya di dalam mesyuarat Lembaga yang diadakan menurut perenggan (b) fasal (1) undang-undang kecil 43;

- (b) mengemukakan suatu senarai anggota Lembaga yang mengandungi butir-butir berikut:
 - (i) nama;
 - (ii) alamat kediaman;
 - (iii) nombor kad pengenalan;
 - (iv) tarikh keanggotaan;
 - (v) pekerjaan; dan
 - (vi) jawatan dalam Koperasi,

dalam tempoh lima belas hari selepas mesyuarat agung perwakilan tahunannya kepada Suruhanjaya menurut perenggan 14(1)(a) Akta. Apa-apa perubahan mengenai butir-butir berkenaan hendaklah dimaklumkan kepada Suruhanjaya secara bertulis dalam tempoh lima belas hari dari tarikh berlakunya perubahan tersebut;

- (c) menimbang dan menerima permohonan keanggotaan;
- (d) meluluskan dan mengesahkan pemindahan dan penebusan syer anggota;
- (e) melantik —
 - (i) seorang pegawai yang bergaji tetap; atau
 - (ii) sebuah firma, bagi menjalankan mana-mana daripada tugas setiausaha, jika perlu, dengan syarat pegawai yang dilantik itu tidak boleh menjadi anggota Lembaga;
- (f) menyenggara akaun bagi:
 - (i) wang yang diterima dan yang dibelanjakan atas nama Koperasi; dan
 - (ii) harta dan liabiliti Koperasi, dengan benar dan betul;
- (g) membenarkan perbelanjaan, menyemak dan mengawasi semua akaun, buku, rekod serta dokumen Koperasi yang disenggara, diuruskan dengan sempurna dan kemaskini;
- (h) membentangkan kepada mesyuarat agung perwakilan tahunan —
 - (i) minit mesyuarat agung perwakilan tahunan yang terdahulu dan mana-mana mesyuarat agung perwakilan khas yang berselang;
 - (ii) laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman;
 - (iii) akaun teraudit Koperasi dan subsidiarinya, jika ada, termasuk laporan Lembaga di bawah perenggan 59 1(c)

- Akta, laporan juruaudit dan pengagihan untung bersih teraudit, jika ada;
- (iv) belanjawan tahunan koperasi bagi tahun kewangan yang berikutnya;
 - (v) cadangan elaun kepada anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam;
 - (vi) surat cara skim simpanan, deposit atau pinjaman, jika ada; dan
 - (vii) cadangan saraan kepada anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah bagi subsidiari Koperasi, jika ada;
- (i) membuat perakuan pembahagian keuntungan bersih dan pengisytiharan syer bonus Koperasi, jika ada kepada mesyuarat agung perwakilan tahunan;
 - (j) mengambil tindakan sewajarnya ke atas arahan Suruhanjaya atau wakilnya;
 - (k) memenuhi jawatan kosong yang berlaku di dalam Lembaga, menggantung keanggotaan anggota dan anggota Lembaga serta memecat keanggotaan menurut fasal (2) undang-undang kecil 21 dan melucutkan jawatan anggota Lembaga;
 - (l) memanggil mesyuarat agung perwakilan menurut Undang-undang Kecil;
 - (m) membuat perjanjian bagi mendapatkan pembiayaan tertakluk kepada kelulusan mesyuarat agung perwakilan;
 - (n) melantik pekerja termasuk pengurus dengan mengeluarkan surat rasmi yang mengandungi terma dan syarat perkhidmatan;
 - (o) bertindak atas nama dan bagi pihak Koperasi atau melantik seseorang wakil bagi menyelesaikan segala pertikaian Koperasi atau menjalankan dan memberhentikan mana-mana tindakan mahkamah;
 - (p) melabur wang berlebihan menurut keputusan mesyuarat agung perwakilan dan tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan;
 - (q) mengkaji dan merancang projek yang memberi manfaat kepada anggota dan Koperasi dengan melaksanakan projek mengikut keputusan mesyuarat agung perwakilan;

- (r) melaksanakan projek dan memberi peluang kepada anggota untuk—
 - (i) mengambil bahagian dalam pelaksanaan projek; atau menyumbangkan modal tambahan atau simpanan khas sebagaimana yang dipersetujui;
- (s) memasuki perjanjian bagi pihak Koperasi dan dimeterai dengan mohor Koperasi serta ditandatangani oleh pengerusi, setiausaha dan bendahari atau orang lain yang diberi kuasa oleh Lembaga;
- (t) melantik wakil di kalangan anggotanya untuk menghadiri mesyuarat mana-mana koperasi yang dianggotainya;
- (u) menubuhkan jawatankuasa, jika perlu, bagi menjalankan aktiviti Koperasi dengan sepenuhnya dan mewakili kuasa kepadanya dari semasa ke semasa mengikut keputusan Lembaga;
- (v) membuat aturan aktiviti dari semasa ke semasa bagi pelaksanaan aktiviti Koperasi dan aturan cara mengendalikan kumpulan wang yang diwujudkan di bawah perenggan (j) fasal (1) undang undang kecil 60, dengan kelulusan mesyuarat lembaga dan mengemukakan satu salinannya dalam tempoh tiga puluh hari kepada Suruhanjaya menurut fasal (3) undang-undang kecil 9;
- (w) mengawasi kecekapan, tatatertib dan daya usaha semua pegawai dan pekerja Koperasi dalam menunaikan tugas dan tanggungjawab mereka;
- (x) memastikan kerahsiaan maklumat perniagaan Koperasi dan anggotanya terpelihara;
- (y) melaksanakan tugas lain sebagaimana yang ditentukan oleh Akta, Peraturan, perintah, garis panduan, arahan Suruhanjaya, Undang-undang Kecil dan mesyuarat agung perwakilan dari semasa ke semasa; dan
- (z) menubuhkan, mencantum dan memansuhkan sesuatu kawasan mengikut aturan penubuhan dan pemansuhan kawasan koperasi

(3) Seseorang anggota Lembaga yang memegang suatu jawatan atau memiliki sesuatu harta atau kepentingannya berkaitan perniagaan dengan Koperasi yang, sama ada secara langsung atau tidak langsung, suatu kewajipan atau suatu kepentingan yang mungkin wujud, yang bercanggah dengan kewajipan atau

kepentingannya sebagai anggota Lembaga Koperasi ini hendaklah mengisytiharkan di dalam mesyuarat Lembaga pertama yang diadakan selepas:

- (a) pelantikannya, atau
- (b) dia memiliki harta atau perniagaan tersebut,

mengenai hakikat jenis dan takat percanggahan yang mungkin berbangkit.

Liabiliti Anggota Lembaga

50. Lembaga hendaklah berhemat dan bertekun seperti ahli perniagaan yang biasa dan hendaklah bertanggung secara bersama dan berasingan bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh Koperasi atas sebab kegagalan mereka berhemat dan bertekun sedemikian atau oleh sebab apa-apa perbuatan yang bertentangan dengan peruntukan Akta, Peraturan, perintah atau Undang-undang Kecil ini serta aturan aktiviti yang dibuat di bawahnya atau arahan mesyuarat agung perwakilannya.

Tugas Pengerusi

- 51.** (1) Pengerusi hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:-
- (a) mempengerusikan semua mesyuarat Lembaga dan mesyuarat agung perwakilan;
 - (b) mengawasi segala wang, harta dan perniagaan Koperasi dikendalikan mengikut dasar yang ditetapkan oleh Lembaga;
 - (c) menandatangani minit mesyuarat yang disahkan;
 - (d) memperakui cabutan dan salinan dari rekod Koperasi, menurut Peraturan, bersama setiausaha melalui satu akuan yang bertarikh dan ditandatangani;
 - (e) memanggil sendiri atau melalui setiausaha, mesyuarat Lembaga, bila perlu;
 - (f) mengarahkan Jawatankuasa Audit Dalaman supaya memeriksa buku, rekod dan dokumen Koperasi pada bila-bila masa dan melaporkan kepada Lembaga;
 - (g) menandatangani permohonan pendaftaran kepada pindaan Undang-undang Kecil dan dokumen lain yang berkaitan bersama dua anggota Lembaga; dan
 - (h) menyelia secara am pentadbiran, hal-ehwal dan pekerja Koperasi.

(2) Tugas pengerusi menurut perenggan (a) dan (b) fasal (1) boleh diamanahkan kepada timbalan pengerusi. Tugas tersebut juga boleh diamanahkan kepada mana-mana anggota Lembaga, jika perlu.

Tugas Setiausaha

52. (1) Setiausaha hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:

- (a) memanggil dan menghadiri mesyuarat agung perwakilan, mesyuarat Lembaga dan mesyuarat jawatankuasa dan menyampaikan segala laporan dan dokumen untuk pertimbangan mesyuarat-mesyuarat itu;
- (b) merekodkan perjalanan dan keputusan sesuatu mesyuarat;
- (c) menyediakan satu daftar anggota yang mengandungi nama, nombor kad pengenalan atau nombor Pasukan Polis, alamat, pekerjaan, nombor keanggotaan, penama, modal yuran, modal syer dan lain-lain maklumat berkaitan diri anggota serta tarikh diterima menjadi anggota dan berhenti menjadi anggota hendaklah diwujudkan dan diselenggarakan dengan kemaskininya;
- (d) menyenggara buku dan laporan yang dikehendaki oleh Lembaga;
- (e) menguruskan surat-menyurat sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga;
- (f) mengesahkan bersama pengerusi salinan segala perkara yang bertulis di dalam buku Koperasi;
- (g) menyimpan dan menjaga dengan selamatnya mohor Koperasi; dan
- (h) menjalankan tugas lain yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

(2) Mana-mana tugas setiausaha boleh diamanahkan kepada pengurus atau pekerja tertakluk kepada persetujuan Lembaga.

Tugas Bendahari

53. (1) Bendahari hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:

- (a) mengendalikan segala wang, harta dan perniagaan Koperasi mengikut dasar yang ditetapkan oleh Lembaga;

- (b) menerima dan menjaga semua wang yang diterima oleh Koperasi dan membuat pembayaran mengikut arahan Lembaga;
- (c) menyimpan ke dalam bank atas nama Koperasi semua wang yang diterima dalam tempoh dua puluh empat jam hari bekerja daripada penerimaannya;
- (d) mengeluarkan resit, menyediakan baucar dan surat lain mengikut arahan Lembaga;
- (e) menyimpan dalam Akaun Wang Runcit, wang sebanyak yang diluluskan oleh Lembaga untuk memenuhi perbelanjaan runcit dan perbelanjaan yang dibuat daripada akaun ini boleh diganti seberapa kerap yang perlu;
- (f) menyenggara dan menyimpan akaun Koperasi dengan sempurna dan kemaskini supaya dapat diperiksa pada bila-bila masa oleh pihak berkuasa yang berkenaan;
- (g) menyediakan akaun tahunan dan laporan tahunan Koperasi untuk dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga;
- (h) menyediakan belanjawan tahunan Koperasi dalam bentuk yang menunjukkan dengan jelas segala butiran pendapatan dan perbelanjaan untuk ditimbang oleh Lembaga sebelum dibentangkan dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan; dan
- (i) menyediakan penyata pendapatan dan perbelanjaan Koperasi yang benar dengan secara dibutirkan satu persatu bagi sesuatu tempoh sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga untuk dibandingkan dengan belanjawan bagi tempoh berkenaan yang telah diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan.

(2) Mana-mana tugas bendahari boleh diamanahkan kepada pengurus atau pekerja tertakluk kepada persetujuan Lembaga.

Jawatankuasa Audit Dalaman

54. Menurut subseksyen 42A(1) Akta, Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi hendaklah mengandungi lima orang, terdiri daripada anggota -

- (a) dua orang yang dinamakan oleh Yang Dipertua menurut fasal (j) Undang-undang Kecil 88(3); dan

(b) tiga orang yang dilantik oleh Lembaga menurut fasal (h) Undang-undang Kecil 46.

Kelayakan Menjadi Jawatankuasa Audit Dalam

55. Tiada seorang pun layak menjadi Jawatankuasa Audit Dalam atau kekal sebagai seorang Jawatankuasa Audit Dalam jika dia —

- (a) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta;
- (b) telah ditamatkan sebagai seorang pegawai sesuatu Koperasi;
- (c) menjadi anggota Lembaga Koperasi ini;
- (d) mempunyai apa-apa hutang tertunggak yang melebihi enam bulan kepada mana-mana koperasi atau institusi perbankan; atau
- (e) menerima apa-apa pelantikan tetap yang bergaji dalam Koperasi ini.

Tempoh Memegang Jawatan Jawatankuasa Audit Dalam

56. (1) Tempoh jawatan setiap anggota Jawatankuasa Audit Dalam ialah satu tahun atau sehingga mesyuarat agung akan datang, mana yang terdahulu. Perkhidmatan mereka boleh disambung semula setelah diputuskan oleh mesyuarat Lembaga.

(2) Apa-apa kekosongan dalam Jawatankuasa Audit Dalam hendaklah diisikan oleh Lembaga dalam masa tiga puluh hari dari tarikh kekosongan itu dengan melantik mana-mana anggota yang layak. Bagi penamaan yang dibuat oleh Yang Dipertua, tempoh pengosongan dan penamaan adalah sama.

Penamatan Jawatankuasa Audit Dalam

57. Seseorang atau kesemua Jawatankuasa Audit Dalam boleh ditamatkan jawatannya oleh Lembaga jika dia —

- (a) gagal berfungsi menurut fasal (2), perenggan (b) dan (c) fasal (4) undang-undang kecil 58;
- (b) gagal memastikan kerahsiaan maklumat perniagaan dan anggota Koperasi;
- (c) menggunakan maklumat Koperasi untuk kepentingan peribadi; atau
- (d) melakukan perkara yang memudaratkan kepentingan Koperasi.

Kuasa Dan Kewajipan Jawatankuasa Audit Dalaman

58. (1) Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah mempunyai kuasa —

- (a) memeriksa segala rekod perakaunan dan rekod lain yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan Koperasi dan subsidiarinya, jika ada;
- (b) memanggil mana-mana orang yang dikehendakinya supaya mengemukakan atau menyerahkan apa-apa maklumat atau buku, akaun dan dokumen yang berkaitan,

bagi memastikan hal-ehwal dan perniagaan Koperasi dijalankan mengikut matlamat penubuhan, Akta, Peraturan, garis panduan, Undang-undang Kecil, mana-mana undang-undang bertulis lain dan keputusan mesyuarat agung perwakilan serta mesyuarat Lembaga.

(2) Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:

- (a) memastikan adanya kuasa dan kesahan bagi segala perbelanjaan;
- (b) memeriksa akaun Koperasi pada lat-lat masa yang tetap dan tidak boleh kurang daripada sekali dalam tempoh tiga bulan;
- (c) memberitahu Lembaga apa-apa ketakselarasan yang berlaku dalam pengurusan Koperasi dengan serta-merta; dan
- (d) mengemukakan kepada Lembaga laporan mengenai pengurusan dan hal-ehwal Koperasi termasuk pelanggaran terhadap Akta, Peraturan atau Undang-undang Kecil.

(3) Jawatankuasa Audit Dalaman, tertakluk kepada kelulusan Lembaga dibayar upah, tetapi amaun upah itu tidak boleh melebihi jumlah wang ditetapkan oleh mesyuarat agung perwakilan.

(4) Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah —

- (a) menerima pelantikan di kalangan mereka seorang ketua;
- (b) bermesyuarat tidak kurang daripada empat kali setahun; dan

(c) mengemukakan laporan bertulis kepada Lembaga dan Suruhanjaya sekurang-kurangnya dua kali setahun.

(5) Segala kos dan perbelanjaan yang dilakukan oleh Jawatankuasa ini dalam menjalankan tugas-tugas, fungsi-fungsi dan tanggungjawabnya hendaklah ditanggung oleh Koperasi.

(6) Ketua Jawatankuasa Audit Dalaman yang dinamakan oleh Yang Dipertua menurut fasal (3) Undang-undang Kecil 88 hendaklah berkuasa dan berkewajipan untuk menentukan tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit Dalaman.

Kewajipan Ketua Pegawai Eksekutif

59. (1) Tertakluk kepada kuasa-kuasa Lembaga, Ketua Pegawai Eksekutif Koperasi ini bertanggungjawab pada keseluruhannya bagi memajukan koperasi ini. Lembaga bertanggungjawab menentukan kuasa dan tanggungjawab Ketua Pegawai Eksekutif di Koperasi dari masa ke semasa.

(2) Lembaga bolehlah dari semasa ke semasa menentukan dan meminda syarat-syarat mengenai lantikan perkhidmatan, gaji, kuasa dan tugas Ketua Pegawai Eksekutif Koperasi dengan syarat tidak diberi kepadanya kerja-kerja yang mana Lembaga sendiri tidak dibenar menjalankannya.

BAHAGIAN VI ASET DAN WANG KOPERASI

Wang Dan Kumpulan Wang Koperasi

- 60.** (1) Wang dan kumpulan wang Koperasi boleh mengandungi —
- (a) fi masuk, syer dan yuran anggota;
 - (b) simpanan khas daripada anggota;
 - (c) deposit daripada anggota;
 - (d) pinjaman daripada anggota dan bukan anggota;
 - (e) Kumpulan Wang Rizab Statutori;
 - (f) Akaun Rizab Modal;
 - (g) Kumpulan Wang Penebusan Syer;

- (h) derma dan pemberian tertentu;
- (i) baki keuntungan terkumpul; dan
- (j) pelbagai kumpulan wang untuk kebajikan anggota dan masyarakat tertakluk kepada kelulusan mesyuarat agung perwakilan.

(2) Kumpulan wang Koperasi selain daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori boleh digunakan bagi melaksanakan aktiviti menurut fasal (1) undang-undang kecil 9.

(3) Cara mengendalikan kumpulan wang yang diwujudkan di bawah perenggan (j) fasal (1), Lembaga hendaklah membuat aturan yang diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan dan satu salinan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari selepas diluluskan oleh mesyuarat agung itu.

Modal syer

61. (1) Menurut perenggan 50(b) Akta, setiap anggota hendaklah melanggan **RM200.00 (Ringgit: dua ratus)** syer sebagai sumbangan minimum yang hendaklah dijelaskan dalam tempoh yang dinyatakan menurut fasal (2). Syer minimum ini tidak boleh dikeluarkan kecuali selepas keanggotaan anggota itu tamat.

(2) Tempoh menjelaskan syer minimum menurut fasal (1) adalah sebagaimana berikut:

- (a) seseorang yang turut sama dalam permohonan pendaftaran Koperasi ini atau yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan Koperasi hendaklah menjelaskan syernya dalam tempoh empat bulan dari tarikh perakuan pendaftaran diterima oleh Koperasi; dan
- (b) seseorang yang diterima menjadi anggota menurut undang-undang kecil 15 hendaklah menjelaskan syernya dalam tempoh **empat bulan** dari tarikh penerimaannya sebagai anggota.

(3) Tiap-tiap anggota boleh menambah unit syernya dari masa ke semasa mengikut persetujuan Lembaga tertakluk kepada had maksima RM30,000.00 (Ringgit:

tiga puluh ribu) syer. Penambahan melalui pembelian syer hanya boleh dibuat secara tunai dan nilai minimum Modal Syer bagi setiap keluaran sijil ialah RM100.00 (Ringgit: satu ratus) syer. Anggota yang memiliki syer melebihi RM30,000.00 (Ringgit: tiga puluh ribu) syer yang diperolehi secara belian hendaklah mengemukakan sijil-sijil syer yang melebihi RM30,000.00 (tiga puluh ribu) syer itu kepada Koperasi untuk di tebus.

Yuran

62. Yuran bulanan anggota seperti yang diperuntukkan menurut perenggan 50(c) Akta hendaklah sekurang-kurangnya **RM50.00 (Ringgit: lima puluh)** sebulan. Tiap-tiap anggota boleh membuat bayaran yuran yang lebih mengikut aturan jimat-cermat dan pinjam-meminjam yang dibuat oleh Lembaga dengan kelulusan mesyuarat agung.

Pengeluaran Modal Yuran

63. (1) Modal Yuran anggota yang dicarum menurut Undang-Undang Kecil 62 tidak boleh dikeluarkan kecuali kerana –

- (a) keanggotaan terhenti menurut Undang-undang Kecil 21(1);
- (b) kegunaan bagi membiayai
 - (i) perjalanan ke luar negara atas urusan agama; atau
 - (ii) pelajaran di peringkat tinggi orang-orang yang ditanggung, atau membeli motosikal bagi kegunaan sendiri dan orang-orang yang ditanggung atau membeli komputer bagi kegunaan sendiri dan orang-orang yang ditanggung; atau
 - (iii) pembelian tanah atau rumah atau kedua-dua sekali; atau
 - (iv) kerosakan ke atas harta benda anggota dan kecederaan kepada anggota dan orang-orang yang ditanggung akibat bencana alam seperti banjir, ribut dan tanah runtuh; atau
 - (v) lain-lain hal yang memberi kebajikan kepada anggota yang difikirkan munasabah oleh Lembaga, dengan syarat yuran terkumpul sebanyak RM2,000.00 (Ringgit: dua ribu Sahaja) kekal didalam simpanan anggota yakni tidak dicagarkan dan pengeluarannya tidak melebihi lapan puluh peratus.

(2) Walau bagaimanapun, fasal 1 Undang-undang 63 tidak terpakai bagi anggota yang telah bersara dan masih mengekalkan keanggotaannya di dalam koperasi ini.

(3) Modal Yuran boleh dijadikan cagaran atas pinjaman sendiri.

(4) Jika pada bila-bila masa Lembaga berpendapat kedudukan kewangan koperasi akan tergendala disebabkan oleh pengembalian Modal Yuran, Lembaga di dalam mesyuaratnya boleh dengan satu keputusan menahan hak menarik balik yuran. Keputusan yang demikian itu hendaklah dipersetujui oleh mesyuarat agung perwakilan yang akan datang dengan syarat masa penahanan itu tidak lebih daripada dua belas bulan dari pengesahannya oleh mesyuarat agung perwakilan dan penahanan itu tidaklah dikenakan dalam perkara terhenti menjadi anggota menurut Undang-undang Kecil 21.

Simpanan Khas, Deposit Atau Pinjaman

- 64.** (1) Koperasi boleh menerima daripada anggotanya —
- (a) simpanan khas seperti yang ditetapkan dalam aturannya dan wang ini boleh dikeluarkan dari semasa ke semasa; atau
 - (b) deposit dan pinjaman.
- (2) Koperasi boleh, dengan kelulusan Suruhanjaya, menerima pinjaman daripada bukan anggota Koperasi.
- (3) Fasal (2) tidak terpakai kepada deposit atau pinjaman yang diberikan oleh kerajaan.
- (4) Pada setiap mesyuarat agung perwakilan tahunan, Koperasi hendaklah;
- (a) memberitahu perwakilannya mengenai pinjaman daripada anggota menurut subseksyen 52(3) Akta; dan
 - (b) menetapkan had maksimum keterhutangan yang sedia ada dan yang baru akan ditanggung dalam tahun akan datang.

Pindahan Syer

65. (1) Seseorang anggota boleh memindahkan syernya yang melebihi sumbangan minimum menurut fasal (1) undang-undang kecil 61 kepada anggota lain.

(2) Pindahan syer tersebut hanya akan berkuat kuasa setelah borang pemindahan ditandatangani oleh anggota yang lain itu dan didaftarkan oleh Koperasi, sepertimana kehendak Peraturan.

(3) Syer seseorang anggota yang mati boleh dipindahkan kepada penama. Bagi anggota Muslim, pemindahan tersebut hendaklah menurut fasal (2) undang-undang kecil 18.

(4) Pemindahan syer tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh enam bulan selepas kematian anggota itu.

Penyelesaian Modal Syer

66. (1) Jika pemindahan syer tidak dapat dibuat menurut undang-undang kecil 65, bagi seseorang anggota yang tamat keanggotaannya oleh apa-apa sebab jua pun, maka syernya yang diperihalkan di dalam undang-undang kecil itu boleh dikeluarkan tertakluk kepada fasal (2).

(2) Syer boleh ditebus dari Kumpulan Wang Penebusan Syer dan Kumpulan Wang Rizab Statutori tertakluk kepada Peraturan. Nilai tebusan syer ini hendaklah mengikut sebagaimana yang ditunjukkan dalam akaun teraudit terakhir bagi Koperasi akan tetapi tidak boleh melebihi nilai asalnya.

(3) Tertakluk kepada fasal (1) undang-undang kecil 69, Koperasi boleh menggunakan Kumpulan Wang Rizab Statutori untuk membuat pembayaran syer yang dikeluarkan oleh anggota tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) mewujudkan dan memindahkan sekurang-kurangnya lima peratus daripada keuntungan bersih tahun semasa setiap tahun ke Kumpulan Wang Penebusan Syer. Sekiranya Kumpulan Wang Penebusan Syer telah mencapai lima puluh peratus daripada jumlah modal syer dan yuran anggota, maka pindahan kepada

Kumpulan Wang Penebusan Syer adalah secara sukarela. Bagi koperasi yang Kumpulan Wang Rizab Statutori melebihi seratus peratus daripada jumlah modal syer pada setiap masa, maka syarat ini tidak terpakai baginya;

- (b) mengguna Kumpulan Wang Penebusan Syer terlebih dahulu sebelum menggunakan Kumpulan Wang Rizab Statutori untuk membayar balik syer anggota;
- (c) mewakilkan Kumpulan Wang Rizab Statutori sekurang-kurangnya dua puluh lima peratus dalam bentuk aset cair atau mudah cair yang selamat dan terjamin; dan
- (d) Koperasi perlu menghapuskera kerugian terkumpulnya terlebih dahulu.

Keuntungan Modal

67. (1) Menurut subseksyen 55(1) Akta, semua keuntungan modal yang diperolehi daripada perkara-perkara berikut hendaklah dikreditkan ke Akaun Rizab Modal—

- (a) penjualan tanah atau bangunan, atau kedua-duanya sebagai aset tetap; dan
- (b) penilaian semula tanah atau bangunan, atau kedua-duanya, sebagai aset tetap, dengan kelulusan Suruhanjaya.

(2) Keuntungan modal menurut perenggan (a) fasal (1) boleh, jika diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan, digunakan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) penerbitan syer bonus;
- (b) penghapusan kira kerugian terkumpul;
- (c) penghapusan kira kerugian modal; dan
- (d) pewujudan suatu Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus.

(3) Syer bonus yang diterbitkan daripada keuntungan modal menurut perenggan (b) fasal (1) boleh dengan kelulusan Lembaga —

- (a) dipindahkan kepada anggota lain Koperasi ini; atau
- (b) dikeluarkan dalam hal anggota yang mati.

(4) Pengeluaran menurut perenggan (b) fasal (3) dibayar daripada Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus Koperasi.

Penerbitan Syer Bonus

68. (1) Menurut peruntukan Akta, koperasi boleh menerbitkan syer bonus daripada tiga sumber iaitu:

- (a) Akaun Rizab Modal hasil daripada keuntungan jualan aset tetap mengikut perenggan 55(2)(a) Akta;
- (b) Akaun Rizab Modal hasil daripada penilaian semula aset tetap tanah dan bangunan dengan kelulusan Suruhanjaya mengikut subseksyen 55(4) Akta; dan
- (c) Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) mengikut perenggan 57(1B)(b) Akta dengan kelulusan Suruhanjaya.

(2) Syer bonus yang diterbitkan di bawah fasal (1) undang-undang kecil 68 adalah tertakluk kepada Peraturan dan garis panduan penerbitan syer bonus yang disediakan oleh Suruhanjaya.

(3) Koperasi boleh menggunakan Kumpulan Wang Rizab Statutori untuk menerbitkan syer bonus kepada anggotanya tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

- (a) Kumpulan Wang Rizab Statutori hendaklah melebihi tujuh puluh lima peratus daripada jumlah modal syer dan yuran pada tarikh permohonan;
- (b) Koperasi hendaklah memastikan seratus peratus Kumpulan Wang Rizab Statutorinya adalah dalam bentuk aset cair atau mudah cair yang selamat dan terjamin;
- (c) Koperasi perlu menghapuskera kerugian terkumpulnya terlebih dahulu;
- (d) buku dan rekod perakaunan Koperasi telah disenggara dengan memuaskan dan kemaskini; dan
- (e) daftar syer bonus hendaklah disenggara oleh Koperasi.

- (4) Koperasi boleh dengan kelulusan bertulis Suruhanjaya dan dalam mesyuarat agung perwakilan mengisytiharkan dan menerbitkan syer bonus –
- (a) kepada anggota yang namanya terdapat dalam daftar anggota pada tarikh pengisytiharan syer bonus itu; dan
 - (b) berdasarkan syer yang dipegang oleh setiap anggota pada dua belas bulan sebelum tarikh pengisytiharan syer bonus itu.

Kumpulan Wang Rizab Statutori

69. (1) Menurut subseksyen 57(1) Akta, Koperasi ini hendaklah menyenggarakan satu Kumpulan Wang Rizab Statutori.

(2) Koperasi hendaklah memindahkan suatu jumlah wang ke Kumpulan Wang Rizab Statutori berdasarkan jadual di bawah:

Jumlah Terkumpul Kumpulan Wang Rizab Statutori	Jumlah Pindahan
Kurang daripada 50% daripada syer dan yuran.	Tidak kurang 25% daripada untung bersih teraudit.
50% tetapi kurang daripada 100% daripada syer dan yuran.	Tidak kurang 15% daripada untung bersih teraudit.

(3) Kumpulan Wang Rizab Statutori tidak boleh dibahagi dan tidak seorang pun anggota berhak untuk menuntut suatu bahagian tertentu daripadanya.

(4) Koperasi boleh membuat pembayaran balik syer dan yuran daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori, dan pada setiap masa baki dalam kumpulan wang tersebut hendaklah tidak kurang daripada lima belas peratus daripada jumlah syer dan yuran anggota Koperasi berkenaan.

Simpanan Khas

70. Menurut perenggan 50(d) Akta, Koperasi boleh menerima simpanan khas daripada anggota tertakluk kepada terma dan syarat yang dibuat menurut fasal (4) undang-undang kecil 9 dan wang ini boleh dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Pinjaman Dan Deposit

71. (1) Tertakluk kepada subseksyen 52(2) Akta dan Peraturan, Koperasi boleh menerima deposit atau meminjam wang daripada anggotanya dan dengan kelulusan Suruhanjaya, meminjam daripada bukan anggota Koperasi.

(2) Peruntukan fasal (1) tidak terpakai kepada deposit atau pinjaman yang diberikan oleh kerajaan.

- (3) Pada setiap mesyuarat agung perwakilan tahunan, Koperasi hendaklah:-
- (a) memberitahu anggotanya mengenai deposit atau pinjaman yang diterima; dan
 - (b) menetapkan had maksimum keterhutangan yang sedia ada dan yang baru akan ditanggung dalam tahun akan datang.

Pelaburan Wang

72. (1) Wang berlebihan Koperasi boleh dilabur tertakluk kepada peruntukan seksyen 54 Akta dan Peraturan-Peraturan Koperasi (Pelaburan) 2010 dan garis panduan.

(2) Had maksimum yang boleh dilaburkan oleh Koperasi bagi sesuatu maksud hendaklah ditentukan oleh mesyuarat agung perwakilan.

Pemberian Pinjaman Oleh Koperasi

73. Menurut seksyen 51 Akta, Koperasi boleh memberi apa-apa pembiayaan Islam atau kemudahan kredit lain kepada —

- (a) anggotanya, tertakluk kepada terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam aturan yang diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan;
- (b) pekerjanya, termasuk ketua pegawai eksekutif tertakluk kepada terma dan syarat perkhidmatan mereka; atau
- (c) subsidiarinya atau koperasi lain, tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya.

Pengagihan Untung Bersih Teraudit

74. (1) Keuntungan bersih teraudit Koperasi seperti yang ditunjukkan dalam akaun untung rugi menurut seksyen 56 Akta, hendaklah diagihkan, tertakluk kepada seksyen 57 Akta, seperti berikut:

- (a) sebanyak mana yang ditentukan menurut fasal (2) undang-undang kecil 69 dipindahkan kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori; dan
- (b) sebanyak mana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Suruhanjaya dibayar kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi.
- (c) Disyaratkan bahawa menurut subseksyen 57(4) Akta, boleh ditolak apa-apa bayaran yang dibuat menurut perenggan (b) fasal (1) daripada jumlah wang menurut perenggan (a) fasal (1).

(2) Selepas pengagihan dan pembayaran menurut fasal (1), dan peruntukan cukai pendapatan, jika ada, baki untung bersih teraudit, boleh digunakan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) pembayaran potongan langganan;
- (b) pembayaran dividen atas syer dan yuran anggota sebagaimana yang ditentukan oleh arahan atau garis panduan;
- (c) pembayaran honorarium kepada anggota Lembaga yang tidak boleh, bagaimanapun, melebihi jumlah wang yang disyorkan oleh mesyuarat agung perwakilan tahunan dan diluluskan oleh Suruhanjaya; atau
- (d) pemindahan peratusan tertentu kepada pelbagai kumpulan wang untuk kebajikan anggota dan masyarakat.

(3) Pembayaran dividen daripada mana-mana sumber selain untung bersih teraudit bagi tahun kewangan itu tidak boleh dibuat kecuali dengan mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Suruhanjaya, yang tidak boleh dalam mana-mana hal melebihi apa-apa kadar maksimum sebagaimana yang ditentukan dalam arahan atau garis panduan.

(4) Menurut subseksyen 57(7) Akta, bayaran kepada perkara menurut perenggan (b) fasal (1), fasal (2) dan fasal (3), boleh dibuat hanya jika semua kerugian terkumpul telah dihapuskira sepenuhnya.

(5) Dengan kelulusan Suruhanjaya, Koperasi boleh, sekiranya kerugian terkumpul tidak dihapuskira sepenuhnya, menggunakan untung bersih terauditnya untuk pembayaran dividen kepada anggotanya yang tidak boleh melebihi lima peratus daripada jumlah syer dan yuran anggota, menurut subseksyen 57(8) Akta.

Dividen Dan Potongan Langganan

75. (1) Kadar dividen yang dibayar atas syer dan yuran kepunyaan seseorang anggota pada enam bulan sebelum akhir tahun kewangan hendaklah tidak melebihi sepuluh peratus kecuali dengan kelulusan Suruhanjaya. Seseorang yang namanya tidak ada di dalam daftar nama anggota Koperasi pada tarikh akhir tahun kewangan yang berkenaan tidak layak menerima dividen.

(2) Dividen hendaklah dikreditkan ke akaun Pertaruhan Khas Anggota sekiranya anggota itu tidak meminta dibayar kepadanya secara tunai dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh dividen itu diisytiharkan.

(3) Potongan langganan boleh diberi hanya jika langganan seseorang anggota tidak kurang daripada RM50.00 (Ringgit: lima puluh) dalam tahun kewangan yang berkenaan.

BAHAGIAN VII AKAUN DAN AUDIT

Tahun Kewangan

76. Tahun kewangan Koperasi ini bermula pada satu haribulan Januari dan berakhir pada tiga puluh satu haribulan Disember setiap tahun.

Penyenggaraan Akaun

77. (1) Menurut seksyen 58 Akta, Lembaga hendaklah menyenggara dengan sempurna dan kemaskini rekod perakaunan dan rekod lain mengenai tiap-tiap transaksi dan kedudukan kewangan Koperasi dan subsidiarinya, jika ada, yang berkaitan dengan —

- (a) harta tetap, pelaburan dan deposit;
- (b) syer, yuran serta simpanan khas yang dicarum oleh anggota; dan
- (c) aktiviti yang dijalankan.

(2) Catatan dalam rekod perakaunan dan rekod lain menurut fasal (1) hendaklah dibuat dengan seberapa segera tetapi tidak lewat daripada tiga puluh hari dari selesai sesuatu transaksi, menurut subseksyen 58(2) Akta.

(3) Penyediaan akaun iaitu akaun perdagangan, untung rugi dan kunci kira-kira hendaklah dibuat dengan seberapa segera tetapi tidak lewat daripada dua bulan selepas tamatnya tahun kewangan supaya dapat diaudit.

(4) Akaun menurut fasal (3) yang telah diaudit hendaklah dibentangkan di dalam mesyuarat agung perwakilan tidak lewat daripada enam bulan selepas tamatnya tahun kewangan itu.

(5) Rekod perakaunan menurut fasal (1) hendaklah disimpan —

(a) di pejabat berdaftar Koperasi pada sepanjang masa atau di mana-mana tempat lain yang difikirkan patut oleh Lembaga, menurut subseksyen 58(4) Akta; dan

(b) selama enam tahun selepas diaudit menurut Peraturan.

(6) Rekod ini boleh diperiksa oleh anggota pada bila-bila masa mengikut syarat pemeriksaan yang ditetapkan oleh Lembaga.

(7) Lembaga boleh melantik mana-mana individu atau firma untuk mengemaskinikan rekod perakaunan bagi memastikan rekod tersebut dapat diaudit dalam tempoh yang ditetapkan.

(8) Suruhanjaya boleh, menurut subseksyen 58(5) Akta, dalam kes tertentu memerintahkan supaya rekod perakaunan Koperasi diserahkan untuk diperiksa oleh seseorang juruaudit yang bertindak bagi pihak seseorang anggota atau pegawai.

(9) Suatu senarai terperinci butiran perbelanjaan Lembaga dan bayaran kepada atau bagi pihak anggota individu Lembaga dan jawatankuasa hendaklah dimasukkan dalam nota kepada akaun untung rugi Koperasi, menurut Peraturan.

Resit Dan Baucar

78. (1) Resit Koperasi hendaklah dikeluarkan bagi semua wang atau penerimaan lain seperti cek dan wang pos yang diterima. Resit itu hendaklah ditandatangani oleh bendahari atau pegawai yang diberi kuasa oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

(2) Baucar hendaklah disediakan bagi setiap pembayaran yang dibuat oleh Koperasi. Baucar tersebut hendaklah ditandatangani atau diluluskan oleh bendahari atau pengurus serta disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Pelantikan Dan Kewajipan Juruaudit

79. (1) Lembaga hendaklah melantik seorang juruaudit bagi mengaudit akaun Koperasi, menurut subseksyen 60(1) Akta.

(2) Juruaudit yang dilantik menurut fasal (1) hendaklah dipilih oleh mesyuarat Lembaga daripada panel yang diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan dan mengemukakan satu salinan surat cara pelantikan kepada Suruhanjaya, menurut Peraturan.

(3) Juruaudit berkewajipan untuk mengaudit akaun dan rekod Koperasi dan hendaklah memberi laporan mengenai penyata kewangan yang dikemukakan oleh Koperasi selepas berakhirnya tahun kewangan itu untuk perhatian Suruhanjaya serta anggota Koperasi, menurut seksyen 63 Akta.

Penyerahan Buku Dan Dokumen Untuk Diaudit

80. Menurut Peraturan, suatu senarai buku dan dokumen Koperasi hendaklah disediakan oleh Koperasi dan diserahkan kepada juruaudit untuk ditandatangani sebagai pengakuan penerimaannya. Sesalinan senarai itu hendaklah disimpan oleh Koperasi.

Mengemukakan Penyata Kewangan Dan Laporan Kepada Perwakilan

81. Satu salinan penyata berikut hendaklah disampaikan kepada tiap-tiap perwakilan tidak lewat daripada lima belas hari sebelum mesyuarat agung perwakilan tahunan —

- (a) akaun perdagangan;
- (b) akaun untung rugi;
- (c) apa-apa penyata sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya;
- (d) kunci kira-kira dan laporan Lembaga mengenai kedudukan hal-hwal Koperasi dan subsidiari yang telah dikemukakan untuk mendapat pandangan Suruhanjaya, menurut subseksyen 59(2) Akta;
- (e) laporan juruaudit; dan
- (f) laporan Jawatankuasa Audit Dalaman.

BAHAGIAN VIII

PELBAGAI

Akaun Bank

82. Akaun bank bagi Koperasi hendaklah diuruskan oleh mana-mana orang iaitu pengerusi dan bendahari **dan seorang Anggota Lembaga** atau orang lain yang diberi kuasa oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Mohor Koperasi

83. (1) Koperasi hendaklah mempunyai satu mohor. Mohor ini tidak boleh dimeteraikan di atas mana-mana surat melainkan dengan keputusan Lembaga. Pengerusi, setiausaha dan bendahari atau pegawai lain yang diberi kuasa oleh Lembaga dikehendaki menurunkan tandatangan mereka di atas tiap-tiap surat yang hendak dimeteraikan.

(2) Dokumen yang diperbuat atas nama Koperasi sama ada dimeteraikan atau tidak, dan ditandatangani dengan sahnya oleh pengerusi, setiausaha dan bendahari atau pegawai lain yang diberi kuasa oleh Lembaga hendaklah disifatkan mengikat ke atas Koperasi sehingga sebaliknya dibuktikan.

Pertukaran Alamat Anggota

84. Tiap-tiap anggota hendaklah memberitahu setiausaha akan pertukaran alamatnya dalam tempoh tiga puluh hari. Semua surat kepada anggota yang dihantar dengan pos atau dikirimkan kepada alamatnya yang terakhir hendaklah dianggap sebagai telah disampaikan.

Penyediaan Dokumen Untuk Diperiksa

85. (1) Menurut seksyen 13 Akta, Koperasi hendaklah menyediakan perkara berikut yang terbuka untuk diperiksa oleh anggota Koperasi sahaja tanpa apa-apa bayaran, pada masa-masa yang munasabah di alamat berdaftar Koperasi —

- (a) suatu salinan Akta dan Peraturan atau perintah, arahan atau garis panduan;
- (b) suatu salinan Undang-undang Kecil dan akaun teraudit yang terakhir;
- (c) suatu senarai anggota;
- (d) suatu senarai anggota Lembaga;
- (e) nama ketua pegawai eksekutif, jika ada; dan
- (f) suatu senarai pegawai Koperasi yang berkenaan dengan pengurusan Koperasi, jika ada.

(2) Koperasi hendaklah juga menyediakan aturan aktiviti untuk diperiksa oleh anggota, jika ada.

Penyerahan Tugas

86. Penyerahan tugas hendaklah dilakukan secara bertulis apabila berlaku pertukaran bagi apa-apa jawatan dalam Koperasi dan disempurnakan dalam tempoh tidak lewat daripada empat belas hari selepas berkuatkuasanya pertukaran itu.

Laporan Oleh Seseorang Yang Dilantik Mewakili Koperasi

87. (1) Seseorang yang dilantik untuk mewakili Koperasi di dalam apa-apa mesyuarat, seminar, forum atau lawatan sambil belajar atas perbelanjaan Koperasi sama ada di dalam atau di luar negeri, menurut Peraturan, hendaklah mengemukakan laporan ringkas kepada mesyuarat agung perwakilan tahunan yang akan datang yang terawal diadakan bagi Koperasi.

(2) Jika orang itu gagal mengemukakan laporan, dia hendaklah membayar balik semua perbelanjaan yang telah ditanggung oleh Koperasi. Koperasi berhak mendapatkan balik setiap perbelanjaan tersebut seolah-olah ianya suatu hutang yang kena dibayar kepada Koperasi.

Pelantikan Yang Dipertua

88. (1) Mana-mana Pegawai Kanan Polis yang menyandang jawatan Ketua Polis Negara hendaklah dijadikan Yang Dipertua **dan hanya bertindak sebagai penaung**. Mana-mana Pegawai Kanan Polis yang menyandang jawatan Timbalan Ketua Polis Negara pula hendaklah dijadikan Timbalan Yang Dipertua. **Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua boleh menghadiri mana-mana mesyuarat yang diadakan oleh Koperasi tetapi tidak mempunyai hak untuk mengundi.**

(2) Yang Dipertua adalah berkuasa:-

- (a) **mengulangkaji dan menganalisa semua rancangan yang telah dikemukakan dan diputuskan oleh Lembaga;**
- (b) memberi nasihat di atas kerja anjuran koperasi yang berkaitan dengan projek-projek perniagaan untuk pertimbangan Lembaga;
- (c) memberi persetujuan kepada Lembaga di atas perlantikan dan pemberhentian setiausaha, Ketua Pegawai Eksekutif di koperasi dan bendahari Koperasi serta perlantikan di subsidiari atau subsidiari-subsidiarinya, syarikat usahasama atau lain-lain pertubuhan bagi menjaga kepentingan koperasi;
- (d) dengan persetujuan Menteri menggantung tugas atau jawatan mana-mana anggota Lembaga yang dipilih menurut Undang-

- undang Kecil 35 atas sebab munasabah untuk kepentingan Koperasi sehingga keputusan di atasnya diperolehi di suatu mesyuarat agung khas yang hendaklah dipanggil secepat mungkin;
- (e) menamakan empat orang anggota terdiri dari dua orang anggota Polis atau kakitangan awam Jabatan Polis yang masih berkhidmat tertakluk kepada aturan kelayakan calon Lembaga dan dua orang anggota Polis bersara untuk menganggotai Lembaga dengan syarat memenuhi aturan-aturan calon Lembaga 2(a) dan (b) tertakluk kepada kelulusan mesyuarat agung perwakilan;
 - (f) menamakan badan pemilihan pemeriksa kertas-kertas undi bagi maksud pemilihan Lembaga;
 - (g) menamakan pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha dan bendahari;
 - (h) menasihat Lembaga memanggil mesyuarat agung perwakilan khas pada bila-bila masa tertakluk kepada Undang-undang Kecil Koperasi;
 - (i) memberhentikan empat orang anggota Lembaga yang dilantik menurut Undang-undang Kecil 35(b);
 - (j) menamakan dua orang Jawatankuasa Audit Dalaman dari kalangan anggota-anggota yang masih berkhidmat atau yang telah bersara menurut perenggan (a) Undang-undang Kecil 54;
 - (k) memberhentikan dua orang Jawatankuasa Audit Dalaman yang dilantik menurut perenggan (a) Undang-undang Kecil 54;
 - (l) menamakan ketua Jawatankuasa Audit Dalaman dari kalangan Jawatankuasa Audit Dalaman;
 - (m) dalam masa ketiadaan Yang Dipertua, kuasa-kuasa Yang Dipertua akan dijalankan oleh Timbalan Yang Dipertua; dan

Pertikaian

89. (1) Segala pertikaian menurut subseksyen 82(1) Akta, yang menyentuh hal penubuhan, Undang-undang Kecil, pemilihan pegawai, perjalanan mesyuarat agung, pengurusan atau perniagaan Koperasi hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya, menurut Peraturan.

(2) Mana-mana anggota yang dibuktikan telah membuat pengaduan atau merujuk pertikaianya kepada mana-mana orang selain daripada Suruhanjaya hendaklah dianggap telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi dan boleh dikenakan tindakan menurut undang-undang kecil 23.

(3) Segala pertikaian selain daripada yang dinyatakan menurut subseksyen 82(1) Akta hendaklah dirujuk kepada mesyuarat agung perwakilan Koperasi untuk penyelesaian. Apa-apa pertikaian yang tidak dapat diselesaikan hendaklah diputuskan oleh Suruhanjaya dan keputusannya adalah muktamad.

Pemeliharaan Kerahsiaan

90. Anggota Lembaga, pegawai, pekerja, juruaudit atau mana-mana orang yang mempunyai akses kepada maklumat mana-mana anggota yang diperolehi dalam melaksanakan perniagaan atau tugas dengan Koperasi, tidak boleh digunakan untuk kepentingan peribadi dan tidak boleh dizahirkan kepada mana-mana orang tanpa izin anggota melainkan yang dibenarkan oleh undang-undang bertulis.

Pembubaran

91. Koperasi hanya boleh dibubarkan dengan perintah Suruhanjaya.

Akta, Peraturan Dan Undang-Undang Kecil

92. (1) Undang-undang Kecil ini dibuat tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan. Apa-apa pindaan kepada Undang-undang Kecil ini tidak boleh dibuat melainkan dengan kehendak atau kebenaran Suruhanjaya. Aturan aktiviti tidak boleh dibuat melainkan dengan kelulusan **mesyuarat lembaga**.

(2) Apa-apa urusan Koperasi hendaklah tertakluk kepada Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil serta aturan aktiviti dan hendaklah dibaca bersekali.

Undang-Undang Kecil Hendaklah Mengikat Anggota

93. Menurut seksyen 17 Akta, Undang-undang Kecil ini hendaklah mengikat Koperasi dan anggotanya sehingga takat yang sama seolah-olah Undang-undang Kecil ini telah ditandatangani oleh tiap-tiap anggota dan mengandungi waad pada pihak tiap-tiap anggota bagi dirinya sendiri dan bagi penggantinya untuk mematuhi segala peruntukan Undang-undang Kecil ini.

Diakui pindaan Undang-undang Kecil ini telah dibentang, dibincang dan diluluskan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan **Koperasi Polis DiRaja Malaysia Berhad** bertarikh **dua puluh haribulan Jun dua ribu dua puluh tiga**.

(PENGERUSI)

(SETIAUSAHA)

(ANGGOTA LEMBAGA)